ISI KANDUNGAN

Ucapan Aluan Pengerusi FELLOW Pengumpulan Kajian & Hasilan Penyelidikan (MANHAL)

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه وبعد

Terima kasih diucapkan kepada Penterjemah yang memberi sedikit ruang untuk saya menyampaikan risalah MANHAL (Markas Pengumpulan Kajian dan Hasilan Penyelidikan) di dalam karangan yang telah di terjemah berkaitan dengan sampainya amalan yang dibacakan kepada si mati.

Tajuk karangan ini telah menjadi perselisihan pandangan di kalangan sekelompok umat Islam pada hari ini. Amat malang sekali apabila perselisihan Furuk ini dibesar-besarkan sehingga merungkaikan ikatan perpaduan di kalangan umat Islam. Penulis telah membawakan hujah-hujah dan kaedah yang amat baik untuk ditatap oleh semua pembaca agar terhindar dari salah faham dan kekeliruan dalam permasalahan ini.

Pihak MANHAL mengucapkan jutaan terima kasih kepada al-Fadhil Ustaz Aidil Azwal Zainudin yang juga merupakan Fellow MANHAL di atas usaha gigih beliau dalam menyiapkan terjemahan dan huraian dalam

buku ini yang mampu merungkai masalah yang timbul khususnya dalam tajuk ini.

Harapan dari MANHAL agar lahir lebih ramai penulis-penulis dan penterjemah di persada Nil ini untuk mendepani segala macam cabaran dan arus pengetahuan semasa demi memartabatkan ilmu-ilmu Islam di mercunya.

Sekian,Wassalam.

Salam hormat,

Mohd Asri Mat Daud
Pengerusi Fellow MANHAL

Latar Belakang Penulis

Syeikh Muhaddith Abdullah Siddiq al-Ghummāri dilahirkan di Ṭanjah pada tahun 1328 H. Beliau dilahirkan di dalam keluarga yang terkenal dengan ilmu dan takwa. Nasab keturunan beliau bersambung sehingga Sayidina Ali ؓ dan Fatimah anak perempuan baginda Nabi ﷺ.

Semenjak dari kecil bapa beliau telah memerintahkannya untuk bermusafir mencari ilmu. Semenjak kecil juga beliau telah mempelajari kebanyakan dari matan-matan Ilmu Agama. Kegigihan beliau menuntut ilmu dapat dilihat semenjak kecil kesan dari teman-teman di sekeliling beliau yang sentiasa gigih menuntut ilmu. Beliau pulang dari musafir menuntut ilmu ketika usia 20 an dan mengarang kitab yang pertama iaitu "Syarah Matan Ajrumiah".

Beliau musafir kembali pada akhir Syaaban 1349H ke Mesir untuk mengambil ilmu daripada Ulama-ulama Al-Azhar as-Syarif. Beliau memperoleh banyak Ijazah Kitab-kitab dan Hadis yang dipelajari daripada guru-guru beliau.

Kemudiannya beliau memasuki peperiksaan "Syahadah al-´Alimiyyah"[1] dan berjaya di dalam peperiksaan tersebut dan mencapai tahap keilmuan yang melebihi teman-teman beliau bahkan melebihi guru-guru beliau sendiri. Semenjak itu tersohor nama beliau di dalam dunia Islam.

Setiap Ulama ada kecenderungan tersendiri dalam setiap bidang Ilmu. Syeikh Abdullah Siddiq al-Qhummārī mempunyai kecenderungan kepada Ilmu Hadis. Ini kerana beliau terkesan dengan abangnya iaitu al-Hāfiẓ Ahmad Siddiq al-Qhummārī. Abangnya merupakan tokoh Ulama hadis yang amat masyhur di seluruh dunia dengan keilmuannya sehingga mencapai taraf al-Hāfiẓ.

Syeikh Abdullah mencapai tahap keilmuan yang cukup tinggi sehingga seorang Ulama memuji beliau dengan ucapan:

"Kami menyangka tidak berbaki dari Ulama Hadis di Mesir dan Timur kecuali Syeikh Rashid Redho dan Syeikh Ahmad Syakir. Setelah kami membaca kajian-kajian mu dan semakan-semakan mu di dalam Hadis, maka kami mengatakan engkaulah orang ketiga".

[1] Peperiksaan di Al-Azhar as-Syarif sebelum ditukar kepada sistem PHD. Bahkan sistem Syahadah al-'Alimiyyah lebih berjaya membuktikan kealiman seseorang berbanding sistem PHD. Allah 'Alam.

Syeikh Abdullah juga menguasai bidang ilmu yang lain. Antara bidang ilmu yang menjadi kemahiran beliau ialah Usul Fikah, Balaqah (Sastera Arab), Nahu (Tatabahasa Arab), Mantik dan Ulum Hadis.

Syeikh Abdullah mempunyai guru seramai 62 orang –sebagaimana disebutkan oleh beliau sendiri-. Salah seorang daripadanya adalah perempuan. Syeikh Abdullah Siddiq banyak bermusafir di serata dunia. Antaranya Mekah, Emirate, Qatar, Jordan, Sudan dan Amerika.

Beliau pulang ke tanah air beliau iaitu Maghribi selepas keluar dari penjara dan menghabiskan baki hayat beliau dengan mengajar Ulama-ulama, penuntut ilmu dan mereka yang datang menziarahi beliau. Ketika itu usia beliau sudah mencapai 85 tahun. Beliau meninggal dunia dan dikebumikan bersebelahan dengan kubur ayahanda beliau iaitu Syeikh Muhammad bin Siddiq – rahimahumullah jami'a-.

Al-Fatihah untuk roh beliau dan ahli keluarga beliau.

Mukadimah Penterjemah & Pengulas

الحمد لله الذى علم بالقلم، علم الإنسان مالم يعلم، والصلاة والسلام على سيدنا محمد، البشير النذير، والسراج المنير، وعلى آله وأصحابه ومن سار على نهجه إلى يوم الدين. أما بعد

Alhamdulillah, sejuta kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah Taala kerana dengan segala limpah rahmat dan kasih sayang Nya terjemahan & ulasan buku kecil ini dapat disiapkan. Buku yang kecil saiznya tetapi terlalu besar faedah dan berkatnya.

Pengarang buku ini merupakan salah seorang dari Ulama Al-Azhar yang telah meninggal dunia pada tahun 80 an. Kekaguman penterjemah kepada pengarang ini bukan semata-mata kerana beliau ialah Ulama Al-Azhar akan tetapi kebanyakan daripada Ulama-ulama yang berwibawa yang masih hidup pada hari ini merupakan anak murid beliau dan siswazah dari madrasah tarbiah yang dipimpin oleh beliau. Semestinya insan yang mampu mencetak sesuatu yang berkualiti adalah insan yang berkualiti. Beliau merupakan tokoh

Ulama Hadis yang begitu tersohor namanya di seluruh dunia.

Buku ini diterjemahkan bukan bertujuan untuk menyemarakkan api fitnah yang sedang marak di bumi tercinta Malaysia di mana wujud sekelompok manusia yang amat gemar membangkit 10-20 permasalahan cabang Fikah dari berjuta-juta cabang Fikah ke dalam ruang perdebatan masyarakat. Amalan masyarakat dengan Tahlil, Bacaan Al-Quran kepada si mati, Talkin, Yasin malam Jumaat dan seumpamanya ditentang habis-habisan kononnya inilah Bid'ah yang terlarang, inilah kemungkaran yang wajib diperangi. Ditambah pula dengan slogan merekalah golongan yang memimpin Akidah Salaf. Segala ucapan hanyalah dakwaan yang tanpa bukti dan gembar gembur yang dihadapkan di hadapan masyarakat yang tidak mengenal permasalahan Fikah. Keadaan kelompok ini sama dengan apa yang diibaratkan oleh Mutanabbi di dalam syairnya:

وإذا ما خلا الجبّانُ بأرض # طلبَ الطعنَ وحدَه والنِّزالا

Maksudnya: Apabila medan perang telah sunyi untuk pengecut # bertempiklah dia dengan senjata dan mengajak berperang.

Buku ini diterjemahkan dengan 7 tujuan:

1) Menjelaskan kepada masyarakat dalil-dalil pada setiap amalan yang mereka lakukan.
2) Menenangkan hati golongan yang diragu-ragukan amalan mereka sedangkan mereka berada di dalam kebenaran.
3) Memperingatkan setiap individu -termasuk penterjemah- bahawa kita semua wajib mengenal kemampuan diri masing-masing. Jika kita tidak berkelayakan untuk berbicara permasalahan agama maka bisukan mulut dari berbicara perkara yang tidak kita ketahui. Khuatir kita dikategorikan sebagai Jahil Murakab (mereka yang tidak tahu bahawa mereka tidak tahu). Ilmu bukan dengan sijil tetapi dengan kemampuan. Jika kita tidak berkemampuan, maka ikutilah Ulama yang berkemampuan. Pengarang buku ini merupakan Ulama yang diiktiraf oleh semua Ulama.
4) Membentangkan pendapat manakah yang dikatakan Salaf. Bukan dakwaan tanpa bukti dan dalil.
5) Mengajak mereka yang sentiasa memperdebatkan masalah ini supaya menghentikan perdebatan ini. Terdapat perkara lain yang lebih besar memerlukan tenaga kalian, bukan bercakaran sesama Umat Islam. Cukuplah pecah belah yang dilakukan dengan bermodalkan nama Salaf. Kesemua kita bertuhankan Allah yang satu, menghadap kiblat yang satu, mengikuti Nabi yang satu, jadi kenapa perlu berpecah belah?!

6) Membentangkan pendapat-pendapat Ulama Muktabar mengenai permasalahan ini.
7) Mengajak umat Islam lebih menumpukan persoalan Usul dibandingkan Furuk. Sepakat Ulama Salaf dan Khalaf mengatakan permasalahan Furuk diraikan khilaf di dalamnya, adapun permasalahan Usul tidak ada kompromi khilaf padanya. Sesiapa yang menyalahi aturan ini, dialah ahli Bida'h yang memecah belah masyarakat dan merosakkan agama dengan nama agama.

Perkara yang dilakukan oleh pengulas di dalam terjemahan ini;

1) Meletakkan nombor bagi Al-Quran serta rujukan Al-Hadis serta kekuatannya.
2) Memberikan sedikit ulasan pada beberapa ucapan penulis yang dirasakan perlu untuk diperjelaskan.
3) Menjelaskan Istilah-istilah Ilmu yang disampaikan oleh penulis dalam bentuk yang paling mudah untuk difahami oleh semua pembaca.
4) Jika ditemukan rumus (أهـ) ini merupakan tanda pengakhiran ucapan individu yang disandarkan ucapannya secara satu persatu.
5) Jika ditemukan rumus [ ], ini merupakan tambahan penterjemah untuk memudahkan memahami perbahasan penulis.

6) Pengulas cuba sedaya upaya untuk mencari kembali rujukan asal yang diambil oleh penulis dan menyebutkannya di nota kaki. Ini kerana penulis hanya menyebut ucapan setiap Ulama tanpa disertakan rujukan.
7) Memperkenalkan biodata tokoh-tokoh Ulama Islam yang memberikan pendapat di dalam masalah ini untuk membuktikan kelayakan mereka memberikan pendapat.

Akhirnya penterjemah mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ustazah Shahidah binti Yaakob kerana kesudiannya untuk memeriksa ayat dan ejaan bagi terjemahan ini.

Kepada al-Fadhil Ustaz Asri Mat Daud, jutaan terima kasih yang tidak terhingga di atas kesudian beliau memeriksa terjemahan & ulasan ini dan melontarkan idea-idea yang begitu bernas untuk menjadikan persembahan buku ini lebih menarik. Segala idea dan saranan beliau mampu menggambarkan kematangan beliau di dalam bidang penulisan.

Akhirnya terima kasih kepada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Segala bantuan dan curahan idea yang telah diberikan hanya Allah yang lebih layak membalasnya.

Segala kelemahan mohon diperbetulkan dan dimaafkan. Kesempurnaan itu milik Allah yang satu. Moga Allah jadikan amalan yang kerdil ini di atas neraca timbangan kita bersama di hari Akhirat kelak.

خادم طلبة العلم الشريف

Muhammad Aidil Azwal bin Zainudin
B.A (Hons)
Syariah Islamiah
Universiti Al-Azhar
ahsanulkalam@yahoo.com

1:20 a.m
25 Syaaban 1427
18 September 2006
Hayyu Asyir, Kaherah

رسالة توضيح البيان لوصول ثواب القرآن للميت

اقـرَأ على المَوتَى كـلامَ الهَنَـا وَدَع الخُصُومَةَ فى وُصُولِ ثَوابِهِ

وإذا سُئِلْتَ عن الدَّلِيْلِ فَأَفْصِحَنّ بِـجَوابِ طَالِبِه وحُسْنِ خِطابِـهِ

يَصِلُ الدُّعاءُ كَذا الصِّيَامُ تَفَضُّلا مِنْ رَبِّنَـا فَكَذَاكَ حُكم كِتَابِـه

لا فَرْقَ بَيْـنَ عِبَـادَةٍ وعِبَـادَة ومَنِ ادَّعَى التَّفْرِيْـقَ لَيْسَ بِنَابِه

وحَدِيْـثُ لَجْـلاج يُؤَيِّـدُ قَولَنـا ويَعِيْضُ عَن خَطأ بِوَجْهِ صَوَابِهِ

وإذا أَتـَاكَ مُعَانِـدٌ[2] بِلجَاجـة فَأَصِم أُذُنَكَ عَن سَماعِ سِبَـابِه

لاتَفْتِحَنّ بـَابَ الجـدَالِ فإنـَّه يُفْضِى بِصَاحِبِه لِسُوءِ عِقَابِـه

[2] (العِنَـاد): Menyalahi kebenaran dan menentangnya dalam keadaan mengetahui itu adalah kebenaran. Lihat: Nota kaki al-Iqnā´ lil Khatīb Sharbinī J 2 m/s 502

Bacakan kepada si mati ucapan yang indah #
Tinggalkan perdebatan mengenai sampai atau tidak pahala kepada si mati.

Jika kamu ditanyakan dalil lancarkanlah lidah mu # dengan jawapan kepada penyoalnya dan berbicaralah dengan baik

Sampai doa begitu juga puasa secara anugerah #
dari tuhan kita begitu juga sama hukumnya bagi kitab Nya (Al-Quran)

Tidak ada perbezaan di antara ibadat dengan ibadat # Siapa yang katakan ia berbeza bahawasanya dia tidak di dalam keadaan waras

Hadis Lajlaj mengukuhkan ucapan kita #
ia menggantikan kesilapan dengan kebenaran

Jika datang mereka yang degil untuk berdebat # pekakkan telinga mu dari mendengar makiannya

Jangan dibuka bab perdebatan[3] #
sesungguh ia membawa mereka yang berdebat kepada buruk pengakhiran.

---

[3] Perdebatan di dalam masalah "sampai atau tidak bacaan Al-Quran kepada si mati". Setiap perdebatan yang tidak berdasarkan ilmu dan ketakwaan, pasti akan membawa bencana. Berlainan halnya perdebatan di atas dasar mencari kebenaran, pasti akan menyinarkan petunjuk dan hidayah.

Mukadimah

الحمد لله رب العالمين, والـصلاة والـسلام عـلى سـيدنا محمـد خـاتم الأنبياء والمرسلين. ورضى الله عن آله الأكرمين. وصحابته والتـابعين.

أما بعد:

Ini adalah bahas pelerai[4] yang amat bermanfaat. Aku perjelaskan di dalamnya mengenai **"Sampainya pahala Al-Quran kepada si mati jika pembaca menghadiahkannya dengan lafaz atau niat"**. Setelah aku bentangkan pendapat-pendapat berserta dalil-dalilnya kemudiannya aku menjawab segala dalil-dalil yang mengatakan tidak sampai, di mana pendapat itu adalah lemah.

Kepada Allah aku memohon ditunjukkan jalan yang benar, cukuplah Dia menjadi Penolong ku dan Dialah sebaik-baik Pelindung.

---

[4] Pelerai perdebatan di antara golongan yang mengatakan perbuatan ini Bid'ah dan golongan yang mengatakan perbuatan ini sunah. Juga pelerai segala kekusutan yang bersarang di dalam pemikiran masyarakat berhubung masalah ini.

Pendapat Ulama di dalam masalah menghadiahkan bacaan kepada si mati

Ulama berselisih pendapat mengenai menghadiahkan bacaan Al-Quran kepada si mati. Adakah sampai pahala bacaan tersebut kepada si mati?

[1] Mazhab yang Mashhūr[5] di dalam Mazhab Maliki dan Syafie: **"Sesungguhnya bacaan Al-Quran tidak sampai kepada si mati"**

[2] Mazhab Ahmad dan pendapat kebanyakan Ulama Mutakaddimin[6]: **"Sesungguhnya bacaan itu sampai"**. Ini

---

[5] Maksud Mashhūr di dalam;
Mazhab Maliki ialah sebagaimana ucapan Ibn Bashīr –rahimahullah- : "Ulama berselisih pendapat berkenaan maksud - المشهور – kepada 2 pendapat:
1) Iaitu apa yang kuat dalilnya
2) Apa yang kebanyakan Ulama yang berpendapat sedemikian. Pendapat yang sahih di antara keduanya ialah apa yang kuat dalilnya".
Adapun -المشهور- di sisi Mazhab Syafie: "Pendapat yang menyalahinya dikatakan ganjil". Lihat: al-Fathu al-Mubīn fi T'arīf muṣṭalahāt al-Fuqaha´, m/s 111-112, m/s 172

[6] (المتقدمون) di dalam;
Mazhab Maliki ialah: "Ulama Malikiyyah sebelum Ibn Abi Zaid al-Qairawānī. Beliau adalah anak murid kepada Imam Malik –rahimahullah-".

juga pendapat yang Rājih[7] di kalangan Ulama Mutakhirin[8] dari Mazhab Maliki dan selain mereka.

Berkata **Imam Nawawi** - selepas menyebut Ijmak Ulama yang mengatakan bahawa doa sampai kepada si mati dan

Adapun di dalam Mazhab Syafie ialah: "Ashab Wujuh yang hidup di kurun ke 4 H".
Adapun di dalam Mazhab Hanabilah: "Ulama yang hidup di antara 241 H – 403 H. Bermula dengan anak murid Imam Ahmad dan berakhir dengan Hasan bin Hamid". Lihat: Muṣṭalahāt al-Madhahib al-Fiqhiyyah m/s 156, 238, 305-306.

[7] (الراجح) ialah apa yang terzahir kekuatan kepadanya bila ditimbang. Lihat: Muʿjam Muṣṭalahāt wa al-alfāẓ J 2 m/s 12.

[8] (المتأخرون) di dalam;
Mazhab Maliki ialah: "Ibn Abi Zaid al-Qairawani dan Ulama-ulama selepas beliau".
Adapun di sisi Syafie ialah: "Ulama selepas kurun 4 H dan juga Ulama selepas Imam Rafie dan Imam Nawawi".
Adapun di sisi Hanabilah ialah: "Ulama Hanabilah yang hidup di antara 885 H – akhirnya. Bermula dengan Abu al-Hasan 'Alauddin al-Mardawi".

Terdapat satu lapisan lagi di sisi Hanabilah dinamakan (المتوسطون). Mereka ialah: "Ulama Hanabilah yang hidup di antara tahun 403 H – 884 H. Bermula dengan anak murid Hasan bin Hamid iaitu Qadi Abu Ya'la dan berakhir dengan Ibn Muflih". Lihat: Muṣṭalahāt al-Madhahib al-Fiqhiyyah m/s 156, 238 dan 305-306.

pahala doa memberi manfaat kepada nya - sebagaimana ucapan beliau:

"Ulama berselisih pendapat dalam masalah sampainya pahala bacaan Al-Quran;

Mashhūr di dalam Mazhab Syafie dan Jamaah: **Tidak sampai**.

Berpendapat Ahmad bin Hanbal dan Jemaah dari Ulama dan Jamaah dari Ulama Syafie: **Ia sampai**.

Al-Ikhtiyār[9]: Hendaklah berkata pembaca Al-Quran selepas selesai bacaannya: Ya Allah, sampaikanlah pahala segala yang telah ku baca kepada si fulan. Allah 'Alam"[10] أهـ.

Berkata **Ibn Qayyim**[11] -rahimahullah-:

[9] (الاختيار): "Istinbāt yang dilakukan oleh Mujtahid dengan menggunakan dalil-dalil Usul". Muṣṭalahāt al-Madhahib al-Fiqhiyyah m/s 254. Istinbāt yang diberikan oleh Imam Nawawi merupakan penyelesai kepada pertikaian di antara 2 kelompok.

[10] Al- Adhkār: m/s 193-194

[11] Ibn Qayyim –rahimahullah- membicarakan bab ini pada satu tajuk "Adakah Roh-roh si mati mengambil manfaat dengan apa yang dilakukan oleh mereka yang masih hidup atau tidak".

"Ulama berselisih pendapat di dalam masalah Ibadat badaniah seperti Puasa, Solat, bacaan Al-Quran dan Zikir.

Mazhab Ahmad bin Hanbal dan Jumhur Salaf: **sampai Ibadat badaniah.** Ini juga merupakan pendapat sebahagian Ashab Abu Hanifah. Ucapan ini juga datang dari Imam Ahmad pada riwayat Muhammad bin Yahya al-Kahhāl[12] berkata: Dikatakan kepada Abu Abdullah[13]: Bagaimana jika seorang lelaki melakukan kebaikan terdiri dari Solat, Sedekah atau selainnya dan dia menjadikan separuh dari amalan tersebut untuk ayahnya atau ibunya?

Berkata Abu Abdullah: Aku berharap amalan itu dilakukan. Beliau menyambung ucapan: Sampai kepada si mati segala-galanya terdiri dari Sedekah atau selainnya. Beliau menambah lagi: Bacalah Ayat Kursi 3 kali dan Surah Ahad kemudian katakan: Ya Allah, pahala ini adalah untuk ahli perkuburan.

Mashhūr di sisi Syafie dan Maliki: **Amalan itu tidak sampai**.

---

[12] (محمد بن يحي الكحال)

[13] Imam Ahmad bin Hanbal. Laqabnya ialah Abu Abdullah

Berpendapat sebahagian Ahli Bid'ah terdiri dari Ahli Kalam: **Tidak akan sampai kepada si mati satu apa pun sama ada doa atau selainnya**"[14] أهـ.

Berkata **Ibn Hajar ~rahimahullah~**[15] sebagaimana ucapan beliau:

"Adapun yang ke sebelas; iaitu: Apakah sampai pahala bacaan kepada si mati? Ini merupakan permasalahan yang masyhur[16], aku telah menulis risalah kecil mengenainya. Keputusannya;

Kebanyakan Ulama Mutakaddimin berpendapat: **sampai amalan**. Pendapat yang terpilih: **Berhenti**[17]. Tidak memutuskan secara pasti keputusan mengenai masalah ini tetapi di dalam masa yang sama sunat melakukannya dan memperbanyakkannya. أهـ

Fatwa dari **Ibn Rushd ~rahimahullah~** beliau merupakan Imam Mazhab Maliki:

---

[14] Ar-Rūh m/s 163
[15] Al-Jawāb al-Kāfī 'ani al-Suāl al-Khāfī.
(الجواب الكافى عن السؤال الخافى)
[16] Sering ditanyakan kepada beliau.
[17] Tidak mengatakan bacaan tersebut sampai kepada si mati dan tidak mengatakan tidak sampai (الوقف).

"Sesungguhnya si mati mengambil manfaat dengan bacaan Al-Quran dan pahalanya sampai kepada si mati. Si mati mendapat pahala bacaan tersebut jika diniatkan oleh pembaca untuk menghadiahkan pahala bacaan tersebut kepadanya..."[18]. أهـ

Ini juga merupakan pendapat yang menjadi sandaran bukan hanya seorang dari Ulama Mutakhirin Mazhab Maliki. Berkata **Ibn Hilal -rahimahullah-** di dalam kitabnya[19]:

"Inilah amalan yang dilakukan oleh orang ramai yang berada di Timur dan Barat, mereka mewakafkan harta untuk tujuan menghadiahkan pahala, berterusan perkara itu dilakukan pada zaman dahulu"أهـ

[18] Lihat: Fatawa Ibn Rusd: J 3 m/s 1446
[19] Kitabnya yang bertajuk: (نوازل)

Dalil-Dalil Mereka Yang Mengatakan Amalan Tidak Sampai Kepada Si Mati

Mereka istidlāl[20] dengan Firman Allah Taala:

 [21]

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya;

Berkata **Al-Hafiz Ibn Kathīr** di dalam tafsirnya:

"Dari ayat ini Imam Syafie –rahimahullah- dan para pengikutnya istinbāṭ[22]: Sesungguhnya bacaan Al-Quran yang dihadiahkan tidak sampai kepada si mati, kerana itu bukan amalannya dan bukan usahanya. Oleh kerana itu baginda Nabi ﷺ tidak mengatakan perbuatan itu sunat untuk umatnya dan tidak menggesa untuk melakukannya. Begitu juga baginda ﷺ tidak

[20] Istidlāl (الاستدلال): "Dalil bukan dari Nas, Ijmak, dan Qias". Lihat: Muntaha al-Sūl lil Ā'midī J 3 m/s 49.
[21] Surah An-Najm: 39
[22] Istinbāṭ (استنباط): "mengeluarkan maksud yang terperinci daripada Nas". Lihat: M'ujam Luqhah Fuqahā' m/s 45

mengajarkan mereka amalan tersebut secara Nas[23] atau secara Isyarat. Tiada riwayat dari amalan para sahabat ﷺ, jika itu perbuatan yang baik nescaya merekalah terlebih dahulu melaksanakannya. Perkara-perkara Qurubāt[24] hanya khusus kepada apa yang terdapat Nas. Tidak boleh mengguna pakai Qias[25] dan juga akal.

[23] (النص): Lafaz yang tidak membawa maksud kecuali satu maksud @ lafaz yang tidak menerima takwil. Lihat: M'ujam al-Muṣṭalahāt wa al-Alfāẓ al-Fiqhiyyah J 3 m/s 419-420

[24] Ibadat. Ini kerana kaedah Fikah menyebut;
(الأصل فى العبادة التحريم) Hukum asal dalam ibadat adalah haram, kecuali terdapat dalil mengatakan ia adalah ibadat. Ibadat tidak boleh direka-reka. Sesuatu perkara tidak akan dikatakan Ibadat kecuali terdapat dalil Syarak yang menyokongnya.

[25] Qias ialah: "Menjadikan Furuk sama dengan hukum Asl disebabkan keduanya mempunyai Illah yang sama".
Contohnya Syarak mengatakan arak itu haram tetapi tidak ada hukum di dalam masalah Tuak. Jadi Tuak juga dihukumkan haram sama seperti Arak disebabkan keduanya mempunyai kesamaan Illah iaitu memabukkan. Lihat: al-Waraqāt J 1 m/s 26. Dalam masalah ini Ibn Kathīr melarang untuk Qiaskan bacaan Al-Quran dengan masalah Puasa, Haji, Doa dan Sedekah. Keempat-empat ini terdapat dalil yang mengatakan amalan tersebut sampai kepada si mati. Adapun bacaan Al-Quran tidak ada dalil mengatakan sampai kepada si mati. Pendapat beliau sama dengan apa yang diutarakan Imam Syafie. Pendapat ini akan dikritik oleh penulis pada perbahasan yang akan datang.

Adapun Sedekah dan Doa secara Ijmak[26] Ulama mengatakan amalan itu sampai kepada si mati. Terdapat Nas dari Syarak mengenai keduanya"[27].أهـ

Pendapat ku: Ucapan "Nabi tidak menjadikan perbuatan tersebut sebagai perkara sunat kepada Umatnya dan para sahabat tidak melakukannya" akan dijawab dan dikritik pada bab yang menyusul –Insya Allah~ dan dakwaan mengatakan perkara Qurubāt tidak boleh menggunakan Qias dan akal adalah ucapan yang menyalahi ketetapan Ulama Usul[28] dan Ulama Fikah[29].

---

[26] (الإجماع): "Kesepakatan Ahlu Halli wa al-A'qdi (Mujtahid) dari Umat Nabi Muhammad ﷺ pada satu perkara dari beberapa perkara". Lihat: Nihāyatu al-Sūl lil Ā'midī m/s 735-789. Ijmak merupakan dalil yang disepakati penggunaannya oleh semua Ulama

[27] Tafsīr Ibn Kathīr J 4 m/s 259

[28] Ulama Usul Fikah. Setiap hukum yang dikeluarkan wajib mengikut Manhaj Usul. Jika tidak, maka akan menyalahi ketetapan Ahli Sunah wa al-Jamaah dan tersesat dari kebenaran. Ilmu Usul merupakan ilmu yang memperkenalkan disiplin mengeluarkan hukum Syarak agar tidak tersilap dari memahami Al-Quran dan As-Sunnah.

[29] Perbincangan panjang lebar di kalangan Ulama Usul di dalam masalah; "Pada perkara apa digunakan Qias?" Khilaf Ulama kepada beberapa pendapat;

Jawapan kepada mereka yang mengatakan bacaan tidak sampai kepada si mati

Adapun Firman Allah yang lalu, jawapan mengenainya pada beberapa sudut;

1) Ayat tersebut tidak kekal penggunaannya secara umum. Bahkan terkeluar dari maksud ayat ini apa yang terdiri dari Doa, Sedekah, Puasa dan Haji. Terdapat perbincangan Ulama yang berbunyi "Adakah masih menjadi hujah secara

---

1) **Mazhab Syafie**: Qias digunakan pada semua hukum Syarak walaupun pada Hudud, Kafarah, Rukhsah dan Taqdirat.
2) **Mazhab Hanafi**: Qias tidak boleh digunakan pada 4 tempat. Hudud, Kafarah, Rukhsah dan Taqdirat.
3) **Mazhab al-Jabāie dan al-Karkhī**: Qias tidak boleh digunakan pada Usul Ibadat
4) **Mazhab Āmidī dan Ibn Hājib**: Qias tidak boleh digunakan pada semua hukum Syarak. Ini kerana terdapat hukum yang tidak dapat difahami oleh akal seperti masalah Diat.

Pendapat yang terkuat dan selamat dalil mereka dari perdebatan ialah pendapat yang pertama. Ini juga pendapat yang dipegang oleh Imam Isnawī dan Imam Baiḍawī. Lihat: Nihāyatu as-Sūl J 2, m/s: 825-828. Penulis mempertahankan pendapat yang terkuat dan yang diguna pakai para Alim Ulama di dalam masalah ini.

umum satu ayat umum yang telah dikhususkan"[30]. Permasalahan ini terdapat khilaf yang hebat di kalangan Ulama Usul. Walaupun pendapat yang Rājih mengatakan masih kekal hujah secara umum tetapi Istidlāl[31] ayat ini (secara umum) terdapat perdebatan di kalangan Ulama[32].

2) Ayat ini Mansūkh[33] dengan Firman Allah Taala:

---

[30] Nihāyatu as-Sūl J 1, m/s: 488-490

[31] Lihat No: 20

[32] Bagaimana ayat ini mampu digunakan secara umum sedangkan sepakat Ulama mengatakan Haji, Puasa, Sedekah dan Doa tidak termasuk di dalam maksud ayat ini. Jika terdapat hujah yang mengatakan pengecualian hanya pada 4 ini sahaja tidak pada selainnya, maka dijawab:

1) Tidak terdapat dalil baginda Nabi ﷺ melarang menghadiahkan amalan selain dari 4 ini, bahkan secara hakikat sebaliknya.
2) Mengkhususkan 4 ini sahaja tanpa disertakan dalil, terlarang mengikut kaedah Ulama Usul.

[33] Nasakh ialah: "Mengangkat hukum Syarak dengan dalil Syarak yang terkemudian". Lihat Syarah 'Adud ala Ibn Hājib Jilid 2, m/s185.

Contohnya: Umat Islam diwajibkan berpuasa hari Ayura. Kemudian datang kewajipan Ramadhan menggantikan Asyura. Setelah disyariatkan Ramadhan, puasa Asyura hukumnya menjadi sunat. Kewajipan Asyura diNasakh oleh kewajipan Ramadhan.

أَلۡحَقۡنَا بِهِمۡ ذُرِّيَّتَهُمۡ [34]

Nasakh di dalam Islam tidak sama dengan perundangan manusia moden yang membentuk perundangan dan membatalkannya berdasarkan keperluan dan keadaan. Perbezaan di antara keduanya dari banyak perspektif bahkan sama sekali tidak dapat disamakan dengan perundangan manusia. Nasakh Mansukh yang berlaku di dalam perundangan Islam di atas dasar Rahmat Allah kepada Umat Islam sebagaimana Firman Allah di dalam Surah al-Anfal ayat 66:

ٱلۡـَٔـٰنَ خَفَّفَ ٱللَّهُ عَنكُمۡ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمۡ ضَعۡفًاۚ فَإِن يَكُن مِّنكُم مِّاْئَةٞ صَابِرَةٞ يَغۡلِبُواْ مِاْئَتَيۡنِۚ وَإِن يَكُن مِّنكُمۡ أَلۡفٞ يَغۡلِبُوٓاْ أَلۡفَيۡنِ بِإِذۡنِ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّـٰبِرِينَ ﴿٦٦﴾

Maksudnya: Sekarang Allah telah meringankan daripada kamu (Apa yang telah diwajibkan dahulu) kerana ia mengetahui bahawa pada kamu ada kelemahan; oleh itu jika ada di antara kamu seratus orang yang sabar, nescaya mereka akan dapat menewaskan dua ratus orang; dan jika ada di antara kamu seribu orang, nescaya mereka dapat menewaskan dua ribu orang dengan izin Allah. dan (ingatlah) Allah berserta orang-orang yang sabar.

[34] Surah At-Thur: 21

Maksudnya: dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam Syurga);

Akan tetapi riwayat dari Ibn Abbas ﷺ mengatakan: ini tidak sahih. Kerana ayat ini[35] adalah khabar[36]. Khabar tidak menerima Nasakh[37].

---

[35] Ayat surah Najmi: 39. Imam Syaukani mendebat mereka yang mengatakan ayat ini diNasakh. Lihat: Fathu al-Qadīr J 5 m/s 114

[36] Ucapan di dalam bahasa Arab tidak terlepas dari 2 kategori:

1) **Khabari** (خبري)
2) **Insyaie** (انشائي)

Khabari ialah: "Apa yang ada pertimbangan benar dan dusta pada zatnya".
Adapun **Insyaie**: "Apa yang tidak ada pertimbangan benar atau dusta pada zatnya".
Contoh Insyaie: Lafaz Pujian (المدح) dan Mengeji (الذم), Lafaz Kontrak (العقود), Lafaz sumpah (القسم), Lafaz Kehairanan (التعجب), Lafaz Mengharap (الرجاء), Lafaz Angan-angan (التمنى), Lafaz Seruan (النداء), Lafaz Perintah (الأمر), Lafaz Cegahan (النهى), Lafaz Pertanyaan (الاستفهام). Apa selain ini merupakan khabari.
Perhatian: Setiap ucapan yang datang dari Allah Taala dan Rasul Nya adalah benar mengikut akidah seorang Muslim dan mustahil Allah dan Rasul berdusta, tetapi perbahasan di sini berdasarkan diri lafaz tersebut (zat) tanpa melihat siapa yang mengucapkannya.

3) Ayat tersebut menceritakan mengenai syariat Nabi Ibrahim عليه السلام dan Musa عليه السلام[38]. Adapun untuk umat ini amalan yang mereka lakukan dan amalan orang lain yang di lakukan untuk mereka. Ini kerana terdapat hadis yang membuktikan perkara tersebut. Ini adalah ucapan Ikrimah[39].

4) Ayat ini untuk orang kafir. Adapun bagi umat Islam apa yang mereka lakukan dan apa yang dilakukan oleh orang lain untuk mereka. Ini adalah ucapan ar-Rabī´ bin Anas.[40]

5) Huruf "Lam (ل)" pada perkataan Insan di dalam ayat membawa maksud (على) iaitu: "Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) atas seseorang

[37] Ulama Usul Fikah berselisih pendapat "Apakah boleh khabar diNasakh kan". Kesimpulannya: Khabar bukannya tidak boleh di Nasakh secara mutlak. Ada khabar yang boleh dinasakh dan ada yang tidak. Lihat: Nihāyatu al-Sūl: Jilid 1 m/s 601-602.
[38] Terdapat ucapan yang sama dengan Firman Allah di dalam Surah Najmi ayat 39 di dalam Suhuf Ibrahim عليه السلام dan Suhuf Musa عليه السلام. Lihat: Tafsir al-Bughawī J 4 m/s 254, Tafsir Nasafī J 4 m/s 192
[39] Lihat: Rūh al-Maʻānī J 27 m/s 6, Tafsir al-Bughawī J 4 m/s 254
[40] Lihat: Tafsir al-Bughawī J 4 m/s 254

melainkan (balasan) apa yang diusahakannya". Pendapat ini lemah dan batil.

6) Di dalam ayat terdapat Hazaf dan Taqdir[41]. Iaitu tidaklah bagi manusia kecuali apa yang mereka lakukan dan apa yang dilakukan untuk mereka. Pendapat ini batil

7) Adapun maksud dari ayat adalah manusia yang hidup. Bukan yang mati. Pendapat ini juga batil.

8) Ayat ini mengenai dosa. Sepakat ulama bahawa seseorang tidak akan memikul dosa orang lain. Bukti terhadap ucapan ini adalah Firman Allah yang datang sebelum ayat tersebut:

[41] Bahasa Arab banyak menggunakan kaedah Hazaf & Taqdir di dalam prosanya. Keadaan ini menuntut memahami kaedah-kaedahnya supaya tidak silap memahami maksud yang ingin disampaikan. Tidak semua prosa Bahasa Arab dapat difahami secara zahir. Ada kala terdapat ayat yang dibuang sebagai memenuhi tuntutan sastera bahasa tersebut. Sebagai contoh Firman Allah Taala di dalam surah Yusuf ayat 82:

وَسْـَٔلِ ٱلْقَرْيَةَ

Maksudnya: Bertanyalah kampung. Maksud sebenar: Bertanyalah (penduduk) kampung. Dihazaf (dibuang) pada ucapan, tetapi ditaqdir (disebutkan) pada makna.

أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ﴿٣٨﴾ [42]

Maksudnya: (dalam Kitab-kitab itu ditegaskan): Bahawa sesungguhnya seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja);

Seolah-olah Allah ingin mengatakan tidak akan dipersoalkan seseorang dengan dosa orang lain. Seseorang tidak akan dipersoalkan melainkan dosanya sendiri. Pendapat ini lemah.[43]

9) Milik manusia amalan yang dilakukan sendiri sebenar-benarnya. Juga miliknya amalan yang dilakukan oleh orang lain secara hibah (hadiah) kepadanya. Ayat ini ingin membuktikan tentang amalan secara hakikat bukan tambahan dari hakikat.

10) Sesungguhnya milik manusia apa yang diusahakannya secara adil dan saksama. Adapun jika secara anugerah atau hadiah tambahan maka harus bagi Allah menambah apa sahaja. Ini ucapan al-Husain bin al-Fadl[44]

---

[42] Surah An-Najm: 38

[43] Lihat: Tafsir al-Baiḍawī J 5 m/s 259, Tafsir al-Saʿadī J 1 m/s 822

[44]Nama beliau Al-Husain bin Al-Fadl bin ʿUmair. Ahli Tafsir, Ahli Hadis, Sasterawan dan di antara sebesar-besar ilmuwan.

11) Ayat ini tidak menafikan seseorang boleh mengambil manfaat dari amalan orang lain akan tetapi ayat ini hanya semata-mata menafikan memiliki amalan yang bukan dilakukannya. Perbezaan di antara keduanya sangat jelas. Allah menceritakan bahawa manusia tidak memiliki kecuali amalan yang dilakukan olehnya. Adapun amalan orang lain dimiliki oleh pengamalnya. Menjadi hak pengamalnya sama ada amalan itu dihadiahkan kepada sesiapa sahaja atau ia membiarkan amalan tersebut untuk dirinya. Allah tidak berfirman "Seseorang tidak akan mengambil manfaat melainkan apa yang dilakukannya".

Berkata **Ibn Qayyim –rahimahullah-**:

"Guru kami – iaitu Ibn Taimiyyah – Memilih pendapat ini dan mengatakan ia Rājih"[45].

Imam pada zamannya dalam memahami makna Al-Quran. Bermukim di Naisabur mengajar orang ramai dan berfatwa dari tahun 217 H hingga beliau meninggal dunia pada tahun 282 H ketika umur 104 tahun. Beliau solat sehari semalam 600 rakaat Lihat: Ṭabaqāt al-Mufassirīn li Suyuṭi: J 1 m/s 48, Siyar ʿAlām Nubalā': J 13 m/s 414, Lisan al-Mīzān J 2, m/s 307. Ṭabaqāt al-Mufassirīn li daudi J1 m/s 4.

[45] Ar-Rūh m/s 179

Berkata **Imam Qurtubi -rahimahullah-**: "Dikatakan: Sesungguhnya Allah berfirman:

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَـٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾

Huruf lam[46] di dalam ayat ini maksudnya di dalam bahasa Arab: Milik dan wajib, membawa maksud (Tidak wajib menjadi milik seorang manusia melainkan apa yang diusahakannya). Jika orang lain menyedekahkan amalan kepadanya, perkara itu bukan satu kewajipan ke atas Allah hanya sanya Allah menganugerahkan kepadanya. Anugerah yang tidak wajib baginya Nya. Sebagaimana Allah Taala memberi anugerah kepada kanak-kanak yang mati[47] yang dimasukkan ke dalam syurga tanpa melakukan apa-apa amal"[48]. أهـ

[46] Huruf lam ini dinamakan huruf Lam Khafad (لام الخفض) atau Lam Jarah (لام الجارة). Ia merupakan di antara huruf-huruf yang membawa maksud khusus. Terdapat 30 maksud bagi huruf ini. Lihat: al-Jana ad-Dānī fī huruf al-Maʿanī. m/s 96-109.

[47] Mati sebelum baligh. Umur taklif ialah selepas baligh. Kanak-kanak yang mati sebelum baligh tiada catatan kebaikan atau keburukan.

[48] Al-Jāmiʿ lil Ahkām al-Quran J 17 m/s 114

12) Maksud (إِلا مَاسَعَى): kecuali apa yang diniatkan[49].

Ucapan ini mengambil dalil dari sabda Nabi ﷺ:

يُبْعَثُ النَّاسُ على نيّاتِهِم[50]

Maksudnya: Manusia dibangkitkan (hari kiamat) dengan niat yang mereka niatkan.
Ini ucapan Abu Bakar Warrāq

13) Manusia dengan usahanya dan hubungannya yang baik memperoleh teman-teman serta kawan-kawan, melahirkan anak-anak, mengahwini pasangan masing-masing, membuat kebaikan dan berkasih sayang sesama manusia dan berbelas kasihan sesama mereka. Mereka ini yang menghadiahkan amalan kebajikan kepadanya. Ia merupakan hasil dari usahanya. Sebagaimana sabda Nabi ﷺ::

[49] Jika amalan diniatkan untuk dirinya, maka menjadi miliknya. Jika diniatkan untuk orang lain, maka menjadi milik individu yang diniatkan.

[50] Sunan Ibn Mājah Hadis 4229 dan 4230 J 2 m/s 114, Musnad Ahmad Hadis 9079 J 2 m/s 392, Musnad Abi Ya'la Hadis 6247 J 11 m/s 121, Musnad at-Ṭayālisi Hadis 1823 J 1 m/s 250, Musnad as-Shihāb Hadis 578 J 1 m/s 337. Berkata Syeikh al-Bānī: Hadis Sahih

إِنَّ أَطْيَبَ مَا أَكَلَ الرَّجُلُ مِنْ كَسْبِ يَدِهِ وأَنَّ وَلَدَهُ مِنْ كَسْبِهِ[51]

Maksudnya: Sebaik-baik apa yang dimakan oleh seseorang lelaki adalah dari usaha tangannya dan usaha anaknya juga dari hasil usaha tangannya[52].
Ini ucapan Abu Wafa Ibn Uqail al-Hanbali

Berkata **Ibn Qayyim –rahimahullah-**:

"Ini jawapan yang terlalu sederhana, perlu dilengkapkan. Seorang hamba dengan keimanan dan ketaatannya kepada Allah dan juga Rasulnya beroleh manfaat dengan amalan saudaranya seagama di samping amalannya sendiri, sebagaimana dia mengambil manfaat dengan amalan mereka berserta amalannya ketika hidup.

---

[51] Sunan Nasāi´y Kubra Hadis 6043 & 6046 J 4 m/s 4, Ibn Mājah Hadis 2137 J 2 m/s 723, Musnad Ahmad Hadis 25887 J 6 m/s 220, Musnad Ishak bin Rāhāwaih Hadis 1561 J 3 m/s 886, Sahih Ibn Hibbān Hadis 4262 J 10 m/s 74. Berkata Syeikh Al-Bānī: Hadis Sahih

[52] Maksud: " usaha anaknya juga dari hasil usaha tangannya" sebagaimana disebutkan di dalam Tuḥfah al-Aḥwadhi J 4 m/s 493: Hasil usaha anak seseorang adalah sama seperti hasil usahanya sendiri. Ini kerana anak adalah sebahagian dari dirinya. Ia disebut sebagai usahanya secara Majaz.

Ini kerana orang mukmin saling mengambil manfaat di antara satu sama lain pada amalan yang dikongsi mereka seperti solat berjemaah. Setiap seorang dari mereka digandakan amalan sehingga 27 kali ganda disebabkan terdapat orang lain turut serta dalam solat tersebut. Amalan orang lain merupakan penyebab kepada bertambahnya pahala. Sebagaimana amalannya sebagai penyebab bertambahnya amalan orang lain. Bahkan ada yang mengatakan: Pahala solat digandakan mengikut bilangan yang bersembahyang. Begitu juga perkongsian mereka dalam perkara Jihad, Haji, Amar Makruf Nahi Mungkar dan tolong-menolong di dalam perkara kebaikan. Sesungguhnya baginda Nabi ﷺ telah bersabda:

الْمُؤْمِنِ للمُؤمِن كالبُنيَان يَشُدُّ بعضُه بعضا [53]

Maksudnya: Seorang mukmin kepada mukmin yang lain ibarat bangunan yang saling memperkukuh di antara satu sama lain.

Lalu baginda menyelangkan di antara jari-jari tangan kanan dengan jari-jari tangan kiri baginda. Seperti

[53] Sahih Bukhārī Hadis 467 J 1 m/s 182, Sahih Muslim Hadis 2585 J 4 m/s 1999, Sunan Tarmidzī Hadis 1928 J 4 m/s 325, Sunan Nasāi´e (Mujtaba) Hadis 2560 J 5 m/s 79, Musnad Ahmad Hadis 19641 J 4 m/s 405.

yang diketahui bahawa keadaan sebegini berlaku di dalam urusan agama lebih patut dari urusan dunia[54]. Masuknya seorang Muslim di dalam kelompok Muslim dengan ikatan Islam[55] merupakan sebesar-besar penyebab sampainya manfaat setiap Muslim kepada saudaranya sama ada ketika hidup atau selepas matinya. Doa orang-orang Islam berlegar-legar di belakangnya.

Allah menceritakan mengenai pemikul-pemikul Arasy dan yang berada di kelilingnya, sesungguhnya mereka memohon ampun untuk orang Mukmin dan mendoakan mereka[56]. Allah juga menceritakan

---

[54] Jika Mukmin diibaratkan bangunan yang memperkukuh di antara satu sama lain di dalam urusan keduniaan. Apakah sesama mukmin tidak seperti bangunan di dalam urusan akhirat? Jika seorang Mukmin mengambil manfaat dengan pertolongan Mukmin lain di dalam perkara keduniaan, apakah Mukmin tidak dapat mengambil manfaat pada bacaan Al-Quran Mukmin lain?! Fikirkanlah!

[55] Dengan ucapan 2 kalimah Syahadah sebagai bukti semua Mukmin dari kelompok yang satu. Ikatan ini adalah pengikat di antara satu sama lain.

[56] Surah Qhāfir: 7

mengenai doa Rasulnya dan permohonan ampun oleh Rasul untuk orang Mukmin[57]. Seperti Nabi Nuh

---

ٱلَّذِينَ يَحۡمِلُونَ ٱلۡعَرۡشَ وَمَنۡ حَوۡلَهُۥ يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ رَبِّهِمۡ وَيُؤۡمِنُونَ بِهِۦ وَيَسۡتَغۡفِرُونَ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْ رَبَّنَا وَسِعۡتَ كُلَّ شَيۡءٖ رَّحۡمَةٗ وَعِلۡمٗا فَٱغۡفِرۡ لِلَّذِينَ تَابُواْ وَٱتَّبَعُواْ سَبِيلَكَ وَقِهِمۡ عَذَابَ ٱلۡجَحِيمِ ۝٧

Maksudnya: Malaikat yang memikul Arasy dan malaikat yang berada di sekelilingnya, bertasbih memuji Tuhannya; dan beriman kepadanya; serta mereka memohon ampun bagi orang-orang yang beriman (dengan berdoa merayu): "Wahai Tuhan kami! rahmatMu dan IlmuMu meliputi segala-galanya; maka berilah ampun kepada orang-orang yang bertaubat serta menurut jalanMu, dan peliharalah mereka dari azab neraka.

[57] عن بن شِهَابٍ قال حدثني أبو سَلَمَةَ بن عبد الرحمن وبن الْمُسَيَّبِ أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رضي الله عنه أَخْبَرَهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَعَى لهم النَّجَاشِيَّ صَاحِبَ الْحَبَشَةِ في الْيَوْمِ الذي مَاتَ فيه وقال اسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah ﵁: Rasulullah ﷺ mendapat berita kematian Najashi Raja Habsyah dan baginda ﷺ berkata: Mohonlah ampun kepada Allah untuk saudara kamu. Hadis riwayat Bukhari no 3667, J 3 m/s 1408

Firman Allah di dalam surah Al-Hasyr: 10

عليه السلام[58], Ibrahim عليه السلام[59] dan Muhammad ﷺ. Maka seorang hamba dengan iman yang dimilikinya

---

وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعۡدِهِمۡ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱغۡفِرۡ لَنَا وَلِإِخۡوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلۡإِيمَٰنِ وَلَا تَجۡعَلۡ فِي قُلُوبِنَا غِلّٗا لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٞ رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

Maksudnya: Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! ampunkanlah dosa Kami dan dosa saudara-saudara Kami yang mendahului Kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan RahmatMu".

[58] Surah Nuh: 28

رَّبِّ ٱغۡفِرۡ لِي وَلِوَٰلِدَيَّ وَلِمَن دَخَلَ بَيۡتِيَ مُؤۡمِنٗا وَلِلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِۖ وَلَا تَزِدِ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا تَبَارَۢا ﴿٢٨﴾

Maksudnya: "Wahai Tuhanku! ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua ibu bapaku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan (dalam segala zaman); dan janganlah Engkau tambahi orang-orang yang zalim melainkan kebinasaan!"

[59] Surah Ibrahim: 41

merupakan sebab sampainya doa ini kepadanya, seolah-olah ini merupakan amalannya.

Penjelasan kepada ucapan yang lalu: Allah menjadikan Iman sebagai sebab untuk seseorang mengambil manfaat dengan doa saudaranya yang seagama dan amalannya jika dia melakukannya. Dia telah mengusahakan sebab yang menyampaikan kepada perkara itu[60]. Sabda Nabi ﷺ kepada Amru ibn Ā's membuktikan ucapan ini:

رَبَّنَا ٱغْفِرْ لِى وَلِوَٰلِدَىَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ ٱلْحِسَابُ ﴿٤١﴾

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami! berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibu bapaku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan"

[60] Seseorang beriman, maka ini merupakan amalannya untuk melayakkan diri menjadi salah seorang dari kelompok Mukmin. Sebab dari amalan ini (beriman) dia memperoleh doa-doa para Malaikat, Nabi-nabi, dan teman seagama yang lain. Maka Firman Allah di dalam surah Najmi: 39 tidak menafikan seseorang untuk mengambil manfaat dengan amalan orang lain yang dilakukan untuknya. Apabila mengusahakan sebab, maka memperoleh musabbab (hasilnya). Doa Malaikat dan para Nabi adalah untuk orang Islam. Dengan ucapan shahādatain menjadikan doa ini memberi manfaat kepada mana-mana Muslim.

أنّ أَبَاك لو كان أقَرّ بالتَّوحِيد نَفَعَه ذلك[61]

Maksudnya: Ayah mu jika mengakui (beriman) dengan kalimah tauhid nescaya itu akan memberi manfaat kepadanya.

Iaitu pembebasan yang diperoleh selepas mati. Jika dia melakukan "sebab" sesungguhnya dia telah melakukan amalan yang membawa kepada pahala pembebasan. Inilah jalan yang lembut dan teramat baik"[62].أهـ

Hadis yang telah disebutkan merupakan riwayat Imam Ahmad dan selainnya dari Abdullah bin ʿAmru bahawa sesungguhnya ʿĀṣ bin Wāil bernazar ketika Jahiliah untuk menyembelih 100 ekor unta. Sesungguhnya Hisyam bin ʿĀṣ telah menyembelih 55 ekor unta. Sayidina Umar ﷺ bertanya baginda Nabi ﷺ mengenai perbuatan tersebut. Sabda Rasulullah ﷺ:

أمّا أبُوك لو كان أَقَرَّ بالتَّوحِيد فصُمْتَ وتَصَدَّقْتَ عنه نَفَعَه ذلك[63]

[61] Sanad Sahih dan di sahihkan oleh Syeikh Syakir. Musannaf Ibn Abi Shaibah Hadis 12078 J 3 m/s 58
[62] Ar-Rūh m/s 178-179
[63] Musnad Ahmad Hadis 6704 J 2 m/s 181

Maksudnya: "Ayah mu jika mengakui (beriman) kalimah tauhid dan engkau berpuasa dan bersedekah untuknya nescaya perbuatan itu akan memberi manfaat kepadanya".

Apa yang dapat diambil (hukum) dari hadis ialah sebab untuk si mati mengambil manfaat dengan amalan yang dihadiahkan adalah iman dan ketauhidannya.

Di dalam **Tafsir Alusi** ada menyebut sebagaimana ucapannya:

"Berkata sebahagian Muhaqqiqin, terdapat di dalam Al-Quran dan as-Sunnah yang qat'ī[64] mengenai berolehnya manfaat dengan amalan orang lain. Ucapan ini menafikan zahir ayat[65]. Ayat itu muqayyad[66] pada amalan yang tidak dihadiahkan oleh yang beramal[67].

---

[64] (قطعى): Iaitu lafaz yang tidak membawa maksud melainkan hanya maksud yang satu. Lihat: M'ujam Muṣṭalahāt Usūl al-Fiqh m/s 336-338 أهــ. Lawan bagi maksud Qat'i ialah Dhanni (ظنّي): Membawa lebih dari satu maksud.

[65] Surah An-Najmi: 39

[66] (المقيد): ialah maksud berlawanan bagi Mutlak. Contohnya Allah memerintahkan untuk membebaskan hamba yang beriman di dalam masalah kafarah. Bukan semua hamba boleh dibebaskan, tetapi muqayyad dengan beriman. Lihat: M'ujam

Bertanya Gabenor Khurasan Abdullah bin Tahir kepada al-Husin bin al-Fadl[68] mengenai ayat ini[69] bersama dengan Firman Allah:

وَٱللَّهُ يُضَٰعِفُ لِمَن يَشَآءُ ۗ [70]

Maksudnya: Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki Nya,

Berkata **al-Husin bin al-Fadl**[71]: Secara Adil tidak ada baginya melainkan apa yang dilakukannya, secara ganjaran tambahan menjadi kuasa Allah Taala untuk

---

Muṣṭalahāt Usūl al-Fiqh m/s 438-439 أهـ. Maksud bagi ayat yang kita bincangkan di sini ialah Firman Allah di dalam surah an-Najmi ayat: 39 bukan secara mutlak tetapi terdapat muqayyad. Maksudnya terkeluar dari ayat ini Doa, Haji, Puasa, bacaan Al-Quran kepada si mati dan apa yang mengambil hukumnya.

[67] Qayyid ini wajib. Jika tidak nescaya wujud pertembungan sesama ayat Al-Quran. Perkara ini mustahil berlaku kepada Al-Quran. Qayyid ini menjadikan kedua-dua ayat yang bertembung secara zahirnya menjadi selari. Bahkan ini yang dimaksudkan oleh Syarak.

[68] Lihat No: 44

[69] An-Najmi: 39

[70] Al-Baqarah: 261

[71] Jika kedua ayat ini tidak diselarikan nescaya akan berlaku pertembungan ayat. Ini mustahil berlaku pada kalam Allah.

memberikan apa sahaja. Maka Abdullah mencium kepala al-Husin"[72].أهـ

Imam Alusi menambah lagi selepas menyebut jawapan-jawapan mengenai ayat tersebut sebagaimana ucapan beliau:

"Aku cenderung dengan apa yang dikatakan al-Husin. Ucapan yang sama dengannya ialah ucapan Ibn ʿAtiyyah dengan katanya: Penyelesaian bagi ku pada ayat ini sesungguhnya inti pati ayat ini ialah pada huruf lam pada:

Jika kamu membuktikan sesuatu yang berhak untuk manusia nescaya akan dikatakan:

لى كذا

Maksudnya: Itu milik ku

Kamu tidak akan mendapati melainkan itu adalah dari usahanya, bukan dari rahmat dengan syafaat atau tajaan bapa yang soleh atau anak soleh atau

[72] Rūh al-Maʿānī J 27 m/s 66

digandakan pahala atau seumpamanya. Itu bukanlah milik insan. Tidak boleh dia mengatakan:

لى كذا وكذا

Ini milik ku dan ini milik ku melainkan secara Majaz[73] atau Ilhāq kepada hakikatnya".أهـ

Apa yang dapat difahami dari perbahasan lalu bahawa hujah Muktazilah yang mengatakan: seorang hamba jika menghadiahkan amalannya - walau apa amalan sekalipun- untuk orang lain tidak akan sampai hadiah tersebut. Hadiahnya menjadi sia-sia kerana tidak sempurna. Begitu juga hujah Syafie bahawa pahala bacaan tidak akan sampai kepada si mati".أهـ ucapan Alusi[74]

Apa yang mereka sampaikan mengenai pendapat Muktazilah bukanlah satu pendapat yang disepakati sesama mereka. Ini kerana Zamaksyari -Ulama besar Muktazilah- mengatakan amalan tersebut sampai kepada si mati.

---

[73] (المجاز): Bukan secara hakikat. Contohnya Perdana Menteri mengatakan: "Aku yang membina bangunan ini" Hakikat bukan dia yang membina bangunan tetapi pekerja-pekerja buruh. Tetapi ucapan ini benar secara Majaz. (الحاق): mengikuti.

[74] Rūh al-Maʿānī

Di dalam **Al-Kashaf** dalam mentafsirkan ayat ini menyebut:

"Jika engkau katakan, apa yang sahih di dalam hadis-hadis hanya Sedekah kepada si mati dan Haji untuknya, bagi si mati berlipat kali ganda pahala[75].

Aku berkata: Dalam masalah ini[76] terdapat 2 jawapan:

1) Amalan orang lain tidak akan memberi manfaat kepada si mati kecuali amalan tersebut berdiri di atas amalannya terlebih dahulu iaitu hendaklah beliau seorang mukmin yang soleh. Begitu juga untuk digandakan pahala. Amalan orang lain ibarat amalannya sendiri kerana beliau menjadi pengikut orang itu dan berdiri sebagaimana orang itu berdiri.

2) Amalan orang lain tidak akan memberi manfaat kepadanya jika amalan tersebut dilakukan untuk

[75] Tiada Nas dari hadis yang mengatakan selain dari sedekah dan haji sampai kepada si mati. Hadis hanya mengkhususkan kedua amalan ini sahaja. Sekelompok lain menambah, juga terdapat Nas pada Puasa dan Doa. Apa selain empat ini tidak terdapat Nas yang mengatakan boleh dilakukan untuk si mati.

[76] Imam Zamakhshari memberikan jawapan kepada mereka yang hanya mengkhususkan amalan yang sampai kepada si mati dengan Sedekah dan Haji sahaja.

diri pengamal itu sendiri. Tetapi jika beliau niatkan, maka pada hukum syarak beliau seperti timbalan kepadanya dan wakil yang berada pada kedudukan tuannya yang asal"[77].أهـ

Di dalam **Fatwa Ibn Salah –rahimahullah**~: sebagaimana ucapannya:

"Berkenaan Firman pada Allah Taala:

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَـٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾

Ketetapan Syarak bahawa amalan badaniah tidak akan berpindah. Terdapat hadis dari Nabi ﷺ :

إذا مَاتَ الاِنْسَانُ انْقَطَعَ عَملُه إلا مِن ثلاثة: صدقةٍ جارية أو علمٍ يُنتفع به أو ولدٍ صالح يدعو له[78]

Maksudnya: Jika mati seorang anak Adam terputus amalannya kecuali 3; Sedekah Jariah atau ilmu yang dimanfaatkan orang lain atau anak soleh yang mendoakannya.

---

[77] Al-Kashāf. J 4 m/s 428
[78] Sahih Muslim J 3 m/s 1255

Khilaf pada (bacaan) Al-Quran: Adakah sampai kepada si mati atau tidak? Bagaimana doa boleh sampai kepada si mati sedangkan Al-Quran lebih afdal dari doa?

Jawapan beliau: Di dalam masalah ini terdapat khilaf, Ahlul Khair mendapati terdapat barakah dengan menyampaikan Al-Quran kepada si mati.

Khilaf di dalam masalah ini bukanlah khilaf sebagaimana di dalam perkara Usul. Bahkan ini merupakan perkara Furuk. Nas yang telah disebutkan[79] tidaklah membuktikan batil ucapan mereka yang mengatakan amalan tersebut sampai kepada si mati. Tetapi maksudnya -ayat tersebut- ialah tidak ada hak dan balasan melainkan apa yang diusahakan. Ini tidak termasuk apa yang disedekahkan oleh orang lain terdiri dari bacaan dan doa. Ini kerana dia tidak ada hak dan balasan di situ, tetapi orang lain memberinya secara sedekah. Begitu juga Hadis. Ia tidak menunjukkan batil ucapan mereka, ia pada amalannya dan ini dari amalan orang lain"[80].أهـ

[79] Iaitu surah An-Najmi: 39
[80] Fatawa Ibn Ṣalāḥ J 1 m/s 149

Berkata **Syeikh Taqiyyuddin Abu Abbas Ahmad bin Taimiyyah**[81]:

"Sesiapa yang beriktikad manusia tidak mengambil manfaat melainkan apa yang dilakukannya, sesungguhnya dia telah mencalarkan Ijmak. Iktikad tersebut batil pada beberapa sudut;

1) Manusia mengambil manfaat dengan doa orang lain. Ini merupakan mengambil manfaat dengan amalan orang lain
2) Nabi ﷺ memberi syafaat kepada Ahli Mauqif[82] ketika dihisab amalan kemudian kepada ahli

[81] Beliau dilahirkan pada tahun 661 H dan meninggal dunia pada tahun 728 H. Merupakan seorang yang mempunyai ilmu yang tinggi ibarat lautan, terdiri dari cerdik pandai yang terbilang dan zuhud dengan dunia. Beliau merupakan ahli Tafsir, terdiri dari Fuqaha', Mujtahid, ahli hadis yang mencapai taraf al-Hāfiẓ أهـ. Lihat: Ṭabaqāt al-Huffāẓ J 1 m/s 52, al-Wāfi bil wafawāt J 7 m/s 11

[82] Ahli Mauqif adalah manusia yang berada di dalam ketakutan menunggu perhitungan amalan masing-masing. Penantian pada hari ini benar-benar satu penyeksaan. Ketakutan dan penderitaan yang dialami berbeza di antara satu sama lain. Tempoh yang terlalu panjang dirasakan oleh mereka yang kafir, sederhana bagi yang Fasiq dan pendek seperti solat 2 rakaat bagi mereka yang taat pada Allah Taala. Firman Allah Taala di dalam surah as-Ṣoffāt ayat 24:

syurga ketika memasukinya, kemudian kepada mereka yang melakukan dosa besar ketika keluar dari neraka[83].

3) Sesungguhnya para malaikat memohon ampun dan mendoakan mereka yang berada di dunia.
4) Allah berkuasa mengeluarkan sesiapa sahaja yang tidak pernah melakukan apa-apa amalan dari neraka. Hanya semata-mata dengan rahmat dan kekuasaannya. Ini merupakan mengambil manfaat dari bukan amalannya.
5) Anak-anak orang Islam masuk syurga dengan amalan bapa-bapa mereka[84].

وَقِفُوهُمْ ۖ إِنَّهُم مَّسْـُٔولُونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: "Dan hentikanlah mereka (menunggu), kerana Sesungguhnya mereka akan disoal أهـ.

Lihat: Hasyiah Imam Baijurī ʿala Jauharah Tauhid m/s 288

[83] Syafaat baginda ﷺ adalah untuk Umatnya. Di antara syafaat baginda ﷺ ialah baginda ﷺ boleh memasukkan mana-mana kaum ke dalam syurga tanpa hisab, begitu juga mampu menghalang mana-mana kaum yang berhak memasuki neraka dari memasukinya. Baginda ﷺ juga diberi anugerah oleh Allah untuk mengeluarkan kaum yang berada di dalam neraka dan mampu menambah darjat kepada sesiapa sahaja di dalam syurga. Imam Suyuthi membahaskan bab ini secara panjang lebar. Ijmak Ulama mengatakan Syafaat Nabi untuk mereka yang melakukan dosa-dosa besar. Lihat: Hasyiah Imam Baijurī ʿala Jauharah Tauhid m/s 305-306, al-Budur as-Sāfirah li as-Suyuthi m/s 260-266

6) Allah menceritakan kisah 2 orang kanak-kanak yatim;

وَكَانَ أَبُوهُمَا صَٰلِحًا [85]

Maksudnya: dan bapa mereka pula adalah orang yang soleh.

7) Si mati mengambil manfaat dengan Sedekah yang dilakukan untuknya dan hamba yang dibebaskan untuknya dengan Nas as-Sunah dan Ijmak.
8) Haji Wajib gugur dari si mati dengan dilakukan oleh orang lain dengan Nas as-Sunnah.
9) Haji yang dinazarkan atau puasa yang dinazarkan gugur dari si mati dengan amalan orang lain. Dengan Nas as-Sunnah iaitu mengambil manfaat dengan amalan orang lain.
10) Orang yang berhutang. Nabi ﷺ tidak mahu untuk mengerjakan solat jenazah ke atasnya

[84] Ucapan yang sama ditemukan di dalam ad-Dur al-Manthūr dengan dalil surah at-Thur ayat 21. Lihat: ad-Dur al-Manthūr J 7 m/s 662.

أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ

Maksudnya: dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam Syurga);

[85] Surah Al-Kahfi: 82

melainkan setelah Abu Qatādah melangsaikan hutangnya terlebih dahulu. Begitu juga Ali bin Abi Talib pernah membayarkan hutang orang lain. Si mati (penghutang) mengambil manfaat dengan solat Nabi ﷺ, ini juga mengambil manfaat dengan amalan orang lain.

KESIMPULAN

Jelas di sini bahawa Istidlāl[86] dengan ayat mengatakan tidak sampai amalan bacaan kepada si mati adalah tidak tepat. Ini kerana ayat tersebut tidak membawa maksud sedemikian.

[86] Lihat No:20

Dalil-Dalil Mereka Yang Mengatakan Amalan Sampai Kepada Si Mati

Berhujah dengan beberapa dalil;

1) Berkata Ṭabrany di dalam al-Mu'jam al-Kabīr

حدثنا الحُسَيْنُ بن إسحاق التُّسْتُرِى, ثنا ابنُ حجر, ثنا مبشر بن إسماعيل حدثنى عبدُ الرحمن بن علاء بن اللجلاج عن أبيه قال: فقال أبي اللَجْلاج أبو خالد: **يا بنيَّ إذا أنا مُتُّ, فأَلحِدْنِي فإذا وَضَعْتَنِي في لَحدِي, فقال: بسم الله وعلى ملَّةِ رسولِ الله ﷺ ثم شِنَّ عليّ التُّرَاب شِنّا, ثم اقْرَأ عند رأسي بفاتحةِ البقرة وخاتِمَتِها فإني سمعتُ رسولَ الله ﷺ يقولُ ذلك**[87]

Maksudnya: Berkata bapa ku Abu Khalid: "Anak ku, jika aku meninggal dunia, maka ke bumikan aku. Jika setelah engkau letakkan aku di dalam liang lahad katakan: Dengan nama Allah di dalam agama

[87] Majma' az-Zawāid. J 3 m/s 44. Mu'jam al-Kabīr J 19 m/s 220. Hadis 491

Rasulullah kemudian tuangkan tanah ke atas ku kemudian bacakan di kepala ku permulaan baqarah dan akhirnya. Ini kerana aku mendengar Rasulullah ﷺ menyebut sedemikian.

2) Tabrani dan Baihaqi meriwayatkan dari Ibn Umar ؓ bahawa beliau berkata:

عن ابنِ عمرَؓ قال: سَمِعْتُ رَسولَ الله ﷺ يقول: **"إذا مَاتَ أَحَدُكُم فلا تَحبِسوه وأَسْرِعُوا به إلى قبْرِهِ واليُقْرَأ عند رَأْسِه فَاتِحَة الكتاب"**, ولفظ رواية البيهقى[88]: **"بفاتحة البقرة وعند رِجْلَيه بخاتمة سورةِ البقرةِ فى قبرِه"** [89]

Maksudnya: Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Jika seseorang meninggal, jangan dibiarkan lama-lama, segerakanlah ke kubur dan bacakan di kepalanya permulaan Al-Quran[90]". Pada riwayat

[88] Berkata Imam Nawawi: Hadis yang diriwayatkan Baihaqi sanadnya Hasan. Lihat: al-Adhkār: m/s 190
[89] Muʿjam al-Kabīr. J 12 m/s 444. Hadis 13613. Shuʿab al-Īman J 7 m/s 16. Hadis 9294 .Majmaʿ az-Zawāid. J 3 m/s 44
[90] Sehingga:

Baihaqi "Bacakan permulaan Baqarah dan pada kakinya penutup surah Baqarah[91] di dalam kubur"[92].

3) Terdapat di dalam hadis-hadis yang sahih bahawa sampai Sedekah, Puasa, Haji dan Umrah kepada si mati. Semua ini adalah ibadat dan membacakan Al-Quran juga ibadat, maka ia sampai kepada si mati. Ini kerana tidak ada perbezaan di antara keduanya jika dibandingkan di antara ibadat-

---

ٱلْمُفْلِحُونَ ۝٥

Lihat: Mirqāt al-Mafātīh J 4 m/s 173

[91] Iaitu dari:

ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ

Sehingga akhir. Lihat: Mirqāt al-Mafātīh J 4 m/s 173

[92] Kemungkinan sebab dikhususkan untuk dibacakan permulaan Al-Baqarah kerana terkandung di dalamnya pujian kepada Al-Quran. Al-Quran itu untuk orang yang bertakwa yang disifatkan dengan ciri-ciri terpuji iaitu: Beriman dengan perkara Ghaib, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat.

Adapun sebab dikhususkan untuk dibacakan pengakhiran surah Al-Baqarah kerana terkandung di dalamnya mengenai beriman dengan Allah, Malaikat, Kitab, Rasul-rasul, menzahirkan penyerahan kepada Allah, menuntut pengampunan dan Rahmat Allah dan meminta pertolongan dan pemeliharaan Nya. Lihat: Mirqāt al-Mafātīh J 4 m/s 173

ibadat tersebut[93]. Ini merupakan Qias Jali[94] yang tiada khilaf bahawa ia adalah hujah dan dapat beramal dengannya.

Berkata **Imam Qurtubi** di dalam at-Tadhkirah:

"Dalil bab ini adalah Sedekah -yang tidak ada khilaf mengenainya-. Sebagaimana sedekah sampai pahalanya kepada si mati begitu juga sampai bacaan Al-Quran dan Istighfar. Ini kerana semuanya adalah sedekah. Sesungguhnya sedekah tidak hanya khusus kepada wang semata-mata. Bersabda baginda Nabi ﷺ ketika ditanya mengenai Qasar solat di dalam keadaan aman;

صدقةٌ تَصَدّقَ الله بها عليكم فاقْبَلُوا صدقتَه[95]

[93] Tidak terdapat perbezaan di antara Sedekah, Puasa, Haji dan Umrah dengan bacaan Al-Quran. Kesemuanya adalah ibadat.

[94] (القيـاس الجلـى): Iaitu Qias yang menafikan perbezaan di antara Asl dan Furuk. Keduanya mempunyai kesamaan yang amat jelas ـــأهـ. Lihat: Muʿjam Muṣṭalahāt Usūl Fiqh m/s 248. Tiada perbezaan di antara bacaan Al-Quran dengan Puasa, tiada perbezaan di antara bacaan Al-Quran dengan Haji. Kesemuanya adalah ibadat.

[95] Sahih Muslim Hadis 686 J 1 m/s 478, Sunan Abi Daud Hadis 1199 J 2 m/s 3

Maksudnya: Ia adalah sedekah yang diberikan oleh Allah kepada kalian, maka terimalah sedekah tersebut

Sabda baginda ﷺ lagi:

يُصبحِ على كلِّ سُلامى من أحدكم صدقةٌ, فكُلُّ تسبيحةٍ صدقةٌ وكُلُّ تهليلةٍ صَدَقَةٌ وكل تكبيرة صدقة وكل تحميدة صدقة وأَمْرٌ بالمعروف صدقة ونَهْىٌ عن المنكر صدقة ويُجزِىء عن ذلك ركعتان يركعهما من الضحى [96]

Maksudnya: Bagi setiap tulang (360 tulang) kamu itu sedekah, setiap tasbih itu sedekah, setiap tahlil itu sedekah, setiap takbir itu sedekah setiap tahmid itu sedekah, menyuruh kepada perkara baik itu sedekah, mencegah kemungkaran itu sedekah, memadai sedekah itu solat 2 rakaat pada waktu Dhuha".

Oleh sebab itu Ulama berpendapat sunat menziarahi kubur. Ini kerana bacaan Al-Quran adalah cenderamata kepada si mati dari pengunjungnya"[97] أهـ. Dapat difahami dari ini bacaan Al-Quran juga termasuk sebagai sedekah mengikut istilah Syarak'.

[96] Sahih Muslim Hadis 720 J 1 m/s 498
[97] At-Tadhkirah m/s 66

Berkata **Ibn Qayyim** –setelah perbahasan panjang mengenai sampainya amalan-amalan yang dihadiahkan kepada si mati dan mendatangkan dalil-dalil di dalam perkara tersebut- sebagaimana ucapannya:

"Adapun bacaan Al-Quran dan menghadiahkannya secara sedekah tanpa mengambil upah, perbuatan ini sampai kepada si mati sebagaimana amalan Haji dan Puasa sampai kepada si mati.

Jika dikatakan: Perkara ini tidak diketahui oleh Salaf dan tidak ada riwayat walaupun dari salah seorang daripada mereka sedangkan mereka merupakan kelompok yang paling bersungguh-sungguh melaksanakan kebaikan ditambah pula Nabi ﷺ tak pernah mengajarkan amalan tersebut. Tetapi Nabi ﷺ hanya mengajarkan Doa, Istighfar, Sedekah, Haji dan Puasa[98]. Jika pahala bacaan Al-Quran sampai nescaya baginda ﷺ akan mengajarkannya dan para sahabat pasti akan melakukannya.

Jawapan: Sesungguhnya punca asal persoalan ini, jika mereka mengakui sampai pahala Puasa, Haji, Doa dan Istighfar. Katakan pada mereka: Apakah

---

[98] Doa untuk si mati, Istighfar untuk si mati, Sedekah untuk si mati, Haji untuk si mati, Puasa untuk si mati. Adapun selain ini tidak diajarkan Nabi ﷺ.

istimewanya[99] amalan-amalan tersebut yang menghalang dari sampai bacaan Al-Quran dan apa istimewanya sehingga menuntut hanya sampai amalan-amalan tersebut sahaja? Tidakkah perbezaan ini tidak lebih dari contoh yang serupa sahaja? Jika mereka tidak mengakui sampai amalan tersebut kepada si mati maka akan di debat dengan Al-Quran, as-Sunah, Ijmak dan kaedah-kaedah Syarak.

Adapun ucapan yang mengatakan tidak timbul perbuatan tersebut dari salaf iaitu mereka tidak pernah mewakafkan harta dan menghadiahkan pahalanya kepada si mati. Bahkan mereka tidak pernah mengenal perbuatan tersebut sama sekali dan tidak pernah mereka ke kubur untuk membacakan bacaan kepada si mati sebagaimana yang dilakukan oleh orang ramai pada hari ini. Tiada seorang pun dari mereka (Ulama Salaf) disaksikan ucapan mereka oleh orang ramai bahawa amalan bacaan ini dihadiahkan kepada si mati. Bahkan tidak ada pahala pada Sedekah dan Puasa ini.

[99] Apakah alasan yang digunakan berdasarkan manhaj syarak menjadikan hanya amalan Puasa, Haji, Doa dan Istighfar sahaja yang sampai kepada si mati. Jika alasan yang diguna hanya hawa nafsu yang ingin memesongkan, manhaj akademik yang tersasar, penguasaan ilmu yang masih dangkal dan akal yang tersesat maka alasan seumpama ini tidak ada tempatnya di dalam agama.

Kemudian katakan kepada yang mengatakan perkara ini: Kalau kamu berusaha mencari ucapan dari Salaf yang mengatakan: Ya Allah, pahala puasa ini kepada si fulan. Nescaya kamu tidak akan menemukannya. Ini kerana merekalah kelompok yang paling berusaha menyembunyikan amalan kebaikan mereka. Mereka tidak akan bersaksi dengan nama Allah bahawa mereka menghadiahkan amalan kepada si mati.

Jika mereka katakan: Rasulullah ﷺ mengajarkan mereka Puasa, Sedekah dan Haji dan baginda ﷺ tidak mengajarkan bacaan (Al-Quran kepada si mati).

Katakan kepada mereka: Rasulullah ﷺ tidak memulakan mengajar melakukan perkara itu. Tetapi perkara tersebut datang dari para Sahabat ‎رضي الله عنهم‎. Jawapan membenarkan perbuatan tersebut adalah hasil dari perbuatan mereka: Seorang sahabat bertanya Rasulullah ﷺ mengenai Haji untuk si mati lalu baginda membenarkannya[100], Sahabat lain

---

[100] عن ابن عباس رضي الله عنهما: أن امرأة من جهينة جاءت إلى النبى ﷺ فقالت: إن أمي نَذَرَتْ أن تَحُج فلم تحج حتى مَاتَتْ أفأَحج عنها؟ قال: حَجِّى عنها, أَرَيْتِ لو كان على أمك دينٌ أكنت قاضيته؟ أقضوا الله فالله أحق بالقضاء

Maksudnya: Dari Ibn Abbas -Radiallahu Anhuma- : Seorang wanita dari Bani Juhainah datang menemui baginda Nabi ﷺ seraya berkata: Ibu ku bernazar untuk mengerjakan Haji, tetapi beliau meninggal dunia sebelum sempat menunaikan Haji. Apakah boleh aku hajikan

bertanya mengenai Puasa untuk si mati lalu baginda ﷺ membenarkan juga[101]. Lalu Sahabat lain bertanya mengenai Sedekah untuk si mati lalu baginda ﷺ membenarkannya[102]. Rasullah ﷺ juga tidak melarang mereka melakukan selain itu.

---

untuk ibu ku? Bersabda Nabi ﷺ: Hajikan untuk ibu mu!, jika ibu mu ada hutang apakah engkau tidak lunaskan untuknya? Lunaskan hak Allah dan Allah lebih berhak untuk dilunaskan segala-galanya. Hadis riwayat Bukhari.

[101] عن ابن عباس رضي الله عنهما قال: "جاء رجلٌ إلى النبى فقال: يـا رسـولَ اللـه ﷺ إنَّ أمّي مَاتَتْ وعليها صَومُ شَهرٍ أَفَأَقْضِيه عنها؟ قال: نعم, فدَيْنُ الله أَحَقّ أَنْ يُقْضَى"

Maksudnya: Dari Ibn Abbas -Radiallahu Anhuma- datang seorang lelaki menemui baginda Nabi ﷺ dan berkata: Wahai Rasulullah, Ibu ku telah meninggal dunia dan masih berbaki padanya puasa selama satu bulan, apakah boleh aku menggantikan puasa tersebut untuk ibu ku? Jawab baginda ﷺ: Ya, hutang Allah lebih berhak untuk digantikan. Hadis riwayat Bukhari & Muslim

[102] عن أبي هريرة رضي الله عنه: أن رجلا قال للنبي ﷺ : إن أبي مات وتَرَك مالا ولم يُوصِ فهل يكفى عنه أن أَتَصَدّق عنه؟ قال: نعم

Maksudnya: Dari Abu Hurairah رضي الله عنه: Seorang lelaki berkata kepada baginda Nabi ﷺ: Sesungguhnya bapa ku telah meninggal dunia dan meninggalkan harta dan dia tidak mewasiatkan apa-apa. Apakah boleh aku bersedekah untuknya? Jawab Baginda ﷺ: Ya. Hadis riwayat Muslim

Apa bezanya di antara sampainya pahala puasa yang hanya semata-mata niat dan menahan diri dengan sampainya amalan bacaan Al-Quran dan zikir?

Mereka yang mengatakan tidak ada Salaf yang melakukan perbuatan tersebut adalah ucapan orang yang tidak mengetahui. Ini merupakan satu penyaksian untuk menafikan sesuatu dia sendiri tidak ketahui[103]. Mereka tidak mengetahui bahawa Salaf melakukan perbuatan tersebut dan tidak dilihat oleh orang lain cukuplah yang mengetahui Alam Ghaib[104] sahaja yang menjadi saksi atas niat dan tujuan mereka lebih-lebih lagi mempertuturkan niat hadiah, perkara itu tidak disyaratkan[105].

---

[103] Inilah di antara penyakit yang merebak kepada masyarakat kita hari ini. Cuba bercakap satu perkara yang dia sendiri tidak mengetahuinya. Matlamat asal adalah untuk islah masyarakat tetapi disebabkan kejahilan dan memandai-mandai di dalam urusan agama akibatnya menyesatkan dan memecah belah masyarakat yang ada. Apakah ucapan "الله أعلم" terlalu berat untuk dituturkan?!

[104] Allah Taala.

[105] Pada perbahasan yang lalu telah dibahaskan untuk menyampaikan amalan kepada si mati dengan salah satu dari 2 cara.

1) Niat di dalam hati tanpa dipertuturkan
2) Niat dan dipertuturkan pada lidah.

Rahsia kepada permasalahan ini: Sesungguhnya pahala itu menjadi milik kepada yang beramal, jika dia menyedekahkan dan menghadiahkan kepada saudaranya se Muslim nescaya Allah akan menyampaikan amalan tersebut. Apa yang menjadikan bacaan Al-Quran dikecualikan dari pahala ini dan menghalangnya dari sampai kepada saudaranya? Ini merupakan amalan orang ramai walaupun kepada mereka yang mengingkarinya pada setiap zaman dan tempat. Tidak ada cegahan dari mana-mana Ulama"[106].أهـ

Ini merupakan satu jawapan yang baik dan memberi faedah. Kepada kalian ku hadapkan sebahagian Athar[107] Salaf mengenai membaca Al-Quran kepada si mati:

Berkata Baihaqi di dalam Sunan Kubra:

Bagaimana hendak mencari bukti secara praktikal dari Salaf sedangkan mereka menyampaikan amalan kepada si mati dengan niat di dalam hati tanpa dipertuturkan pada lidah. Hujah bangkangan yang dibawa adalah hujah yang tidak mengenal realiti para Salaf Soleh.

[106] Ar-Rūh m/s 195-196

[107] (الأثار): Hadis Nabi ﷺ . Muʻjam Muṣṭalahāt wa alfāẓ al-fiqhiyyah J 1 m/s 57

حدثنا أبو عبد الله الحافظ ثنا أبو العباس ابن يعقوب ثنا العباس بن محمد, قال: سَأَلْتُ يَحي بن مَعين عن القراءة عند القبر؟ فقال: حدثني مبشر بن إسماعيل الحلبى عن عبد الرحمن بن العلاء بن اللجلاج, عن أبيه, قال لبنيه: إذَا أَنَا مُتّ, فضعوني فى قبري, وقولوا: **بِسْمِ اللهِ وعَلَى سُنَّةِ رَسُولِ الله ﷺ** وسنوا علىّ التراب سنا, ثم اقرؤوا عند رأسي أولَ سورةِ البقرة وخاتمتها, فإني رأيتُ ابنَ عمر يستحب ذلك [108]

Maksudnya:Aku bertanya kepada Yahya bin Ma'in mengenai membaca Al-Quran di kubur lalu beliau berkata: Mubassyir bin Ismail meriwayatkan kepada ku dari Abdur Rahman bin 'Ala bin Lajlaj dari bapanya lalu berkata kepada anaknya: Jika aku mati, letakkan aku di kubur ku dan hendaklah kalian ucapkan: "بسم الله وعلى سنة رسول الله ﷺ" tuangkan ke atas ku tanah kemudian bacakan di atas kepala ku awal surah al-Baqarah dan penutupnya,

[108] Sunan Baihaqi al-Kubra J 4 m/s 56

sesungguhnya aku berpandangan Ibn Umar[109] menyukai perkara tersebut.

Berkata **Al-Hafiz ibn Hajar -rahimahullah** di dalam amāli adhkar: Hadis ini mauquf[110] hasan. Berkata Hafiz Abd Haq di dalam kitab al-'Āqibah: Diriwayatkan bahawa Abdullah bin Umar memerintahkan untuk dibacakan di kuburnya surah baqarah. Mereka yang berpandangan sedemikian juga ialah Abdur Rahman bin al-'Ala

---

[109] Ibn Umar memerintah untuk dibacakan di kuburnya surah Al-Baqarah. Lihat: At-Tadhkirah m/s 70

[110] Di dalam ilmu hadis terdapat 3 pembahagian hadis:

1)Marfū': Hadis yang disandarkan kepada Nabi ﷺ .
2)Mauqūf: Hadis yang disandarkan kepada Tabien.
3)Maqtu'. Hadis yang disandarkan kepada para sahabat.

Terdapat hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Tabien dan Sahabat tanpa bersambung kepada Nabi ﷺ tetapi kedudukan sama seperti Hadis Marfū'. Ini kerana hadis seumpama ini tidak mereka tidak meriwayatkannya kecuali dengan keilmuan dan kefahaman mereka daripada Nabi ﷺ. Terdapat juga sebahagian daripada mereka tidak berani meriwayatkan hadis kerana khuatir tersilap meriwayatkannya, kesannya mereka meriwayatkannya secara makna dan kefahaman yang diperoleh daripada baginda ﷺ.

Berkata **Al-Khallal** di dalam Al-Jami'[111]: "Bab membaca di tepi kubur:

أخبرنا العباس بن محمد الدوري ثنا يحيى بن معين, وذكر الأثر الذى نقلناه عن البيهقى آنفا ثم نقل عن العباس الدوري قال: سَأَلْتُ أَحمَد بن حنبل قُلتُ: تَحفَظ فى القراءة على القبر شيئا؟ قال: لا, وسَأَلتُ يحي بن معين, فحدثي بهذا الحديث.

قال الخلال: وأخبرني الحسن بن أحمد الوراق حدثني على بن موسى الحداد -وكان صدوقا- قال: كُنت مع أحمد بن حنبل ومحمد بن قدامة فى جنازة. فلما دُفن الميت جلس رجلٌ ضَرَيْرٌ يقرأ عند القبر. فقال له أحمد: يا هذا, إن القراءة عند القبر بدعة, فلما خرجنا من المقابر, قال محمد بن قدامة لأحمد بن

[111] Juga disebutkan hadis ini di dalam Kitab At-Tadhkirah m/s 65

حنبل: يا أبا عبد الله ما تقول فى مبشر الحلبى؟ قال: ثقة. قال: كتبت عنه شيئا؟ قال: نعم. قال: فأخبرني مبشر عن عبد الرحمن بن العلاء بن اللجلاج, عن أبيه: أنه وصى إذا دفن أن يقرأ عند رأسه بفاتحة البقرة وخاتمتها. وقال: سمعت ابن عمر يوصى بذلك, فقال له أحمد: فارجع وقل للرجل: يقرأ,

وقال الحسن بن الصباح الزعفرانى: سألت الشافعى عن القراءة عند القبر؟ فقال: لا بأس بها

ومروى الخلال عن الشعبى, قال: كانت الأنصار إذا مات لهم الميت اختلفوا إلى قبره يقرأون عنده القرآن.

وقال الخرائطى فى كتاب القبور: سنة فى الأنصار, إذا حملوا الميت أن يقرأوا معه سورة البقرة. أهـ

Maksudnya: **Aku**[112] bertanya Ahmad bin Hanbal dengan ucapan; Apakah kamu menghafal sesuatu (hadis)

[112] Abbas ad-Dauri

mengenai bacaan di kubur? Jawab: Tidak. Berkata Abbas: Aku bertanya (soalan yang sama) kepada Yahya bin Maʿin: Maka beliau meriwayatkan aku dengan hadis ini[113].

Berkata Khallal: Riwayat dari Ali bin Musa al-Haddad, aku bersama Ahmad bin Hanbal dan Muhammad bin Qudamah al-Jauhari pada satu jenazah (majlis perkuburan). Ketika ditanam mayat maka duduk seorang lelaki yang buta membaca di sisi kubur. Berkata Ahmad kepadanya: wahai tuan, bacaan di kubur adalah Bid'ah.

Selepas kami keluar dari kawasan perkuburan. Berkata Muhammad bin Qudamah kepada Ahmad bin Hanbal: Wahai Abu Abdullah: Apa pandangan mu pada mubasyyir al-Halabi?[114] Berkata: Thiqah[115]. Berkata Ahmad bin Hanbal: Apa engkau mencatat sesuatu dari beliau?. Berkata Muhammad bin Qudamah: Ya. Berkata Muhammad bin Qudamah: Riwayat dari Mubasyir dari Abd Rahman bin ʿAla bin Lajlaj dari ayahnya: Ayahnya mewasiatkan jika dia ditanam hendaklah membacakan di kepalanya dengan permulaan Baqarah dan penutupnya. Berkata ayah Lajlaj: Aku mendengar Ibn Umar juga

---

[113] Hadis Baihaqi yang lalu.

[114] Soalan untuk mengenal perawi terlebih dahulu. Adakah diterima hadisnya atau tidak.

[115] (ثقة): perawi yang kebanyakan Ulama mengatakan dia thiqoh (boleh dipercayai) dan tidak dilemahkan. Lihat: al-Muqiẓah m/s 78

berwasiat sedemikian. Ahmad bin Hanbal berkata kepadanya: Kembalilah (kawasan perkuburan) dan katakan kepada lelaki (buta) tadi: bacalah.

Berkata **Hasan bin Sabah az-Zaʿfarani**: Aku bertanya kepada Syafie mengenai membaca sesuatu di tepi kubur. Berkata Syafie: Tidak mengapa.

Diriwayatkan dari **Khallal dari Sya'bi** berkata: Ansar jika terdapat kematian, mereka beramai-ramai pada waktu yang berbeza-beza ke kubur dan membacakan Al-Quran di sisi kubur.

Berkata **Al-Kharaiṭi** di dalam kitab Al-Kubur:

"Sunat di sisi Ansar, jika membawa mayat membaca bersamanya surah baqarah"[116].أهـ

Berkata **Al-Khallal**:

"Berkata Abu Yahya an-Naqid: Aku mendengar Al-Hassan bin Al-Jarwa[117] berkata: Aku melintasi kubur

---

[116] At-Tadhkirah m/s 72

[117] Nama beliau ialah: al-Hassan bin Abd Aziz al-Jarwa. Menetap di baghdad أهـ. Lihat: al-Muqtana fi sardi al-Kuna J 1 m/s 413

saudara perempuan ku. Aku bacakan di sisinya (تبارك)[118] dan apa yang terkandung di dalamnya. Kemudian sedang aku membacanya datang kepada ku seorang lelaki lalu berkata: Aku melihat saudara perempuan mu di dalam mimpi mengatakan: Moga Allah membalas Abu Ali[119] dengan kebaikan, sesungguhnya aku telah mengambil manfaat dengan apa yang dibacakannya[120].

---

[118] Surah al-Mulk. Surah ini sunat dibaca setiap malam sebelum tidur. Berkata Ibn Mas'ud ﷺ : "Sesiapa yang membaca surah tabāraka setiap malam, nescaya Allah akan memeliharanya dari azab kubur. Kami pada zaman Rasulullah menamakannya surah penghalang (halang dari azab kubur)". Sunan Nasāie Kubra Hadis 10547 J 6 m/s 179, Sunan Abu Daud Hadis 1400 J 2 m/s 57, Sunan Tarmidzi Hadis 2891 J 5 m/s 164, Sunan Ibn Mājah Berkata Imam Tarmidzi: Hadis ini Hasan Gharib

[119] Al-Hassan bin al-Jarwa

[120] Perbincangan panjang lebar di kalangan Ulama mengenai mimpi dan kedudukannya di dalam Islam. Perbincangan mereka sebagaimana berikut;

Kesemua mimpi terbahagi kepada 2 kategori:

1) **Mimpi benar**. Setiap apa yang dilihat di dalam mimpi akan berlaku ketika jaga. Ini adalah mimpi para Nabi ﷺ dan yang mengikuti jejak langkah mereka iaitu para Solihin. Mimpi benar ini juga boleh berlaku kepada selain Nabi dan Solihin tetapi terlalu jarang, ibarat seperti jarangnya seorang pendusta bercakap benar.

2) **Mainan tidur (mimpi yang membingungkan)**. Ini adalah mimpi kebanyakan manusia. Setiap mimpi tidak ada kebenarannya ketika jaga. Bahkan ada kalanya berlaku sebaliknya.

Dalam masalah mimpi, terdapat tiga kategori manusia;

1) **Para Nabi**. Mimpi mereka semuanya benar.
2) **Para Solihin**. Kebanyakan dari mimpi mereka adalah benar. Ini kerana Syaitan gagal untuk menguasai mereka.
3) **Selain Nabi dan Solihin**. Mimpi mereka terhimpun antara benar atau tidak.

Ada kalanya mimpi benar boleh berlaku kepada kafir. Sebagaimana yang menimpa kepada 2 orang teman Nabi Yusuf ﷺ ketika berada di dalam penjara. Juga mimpi Raja kepada 2 orang temannya.

Jika seseorang mimpi bertemu baginda Nabi ﷺ dan baginda ﷺ memerintahkan untuk melakukan sesuatu yang menyalahi hukum syarak, perbuatan itu tidak boleh dilakukan olehnya dan orang lain. Tidak menjadi satu kewajipan untuk menyampaikan mimpi tersebut kepada orang lain.

Sebagai contoh, jika seseorang bertemu Rasulullah ﷺ dan baginda ﷺ memerintahkannya untuk membunuh seseorang yang tidak halal darahnya. Haram melakukan perbuatan tersebut kerana apa yang dilihat bukan baginda ﷺ tetapi khayalannya.

Berkata kepada **al-Hasan bin Haitham**: Aku mendengar Abu bakar Aṭrush iaitu anak kepada anak perempuan Abu Nasr at-Tammar berkata: Seorang lelaki pergi ke kubur ibunya pada hari Jumaat. Lalu membaca surah Yasin kemudian datang kembali pada hari lain[121]

Setiap mimpi yang dilihat wajib ditimbang dengan neraca Syarak terlebih dahulu walaupun mimpi bertemu Rasulullah ﷺ.

Ucapan Nabi ﷺ di dalam mimpi tidak dijadikan hujah dan tidak dikatakan Hadis. Ini kerana mimpi seseorang terdapat pertimbangan bahawa apa yang dilihatnya adalah baginda Nabi ﷺ atau hanya khayalannya. Setiap perkara yang terdapat pertimbangan benar dan salah tidak dikatakan satu hujah dan kebenaran. Panjang lebar dibahaskan oleh Ibn Hajar mengenai "mimpi tidak boleh dijadikan sumber perundangan hukum" أهـ. Lihat: Fathu al-Bāri J 18 m/s 477-524. Walaupun sedemikian, mimpi yang tidak menyalahi syarak atau yang bertepatan dengan syarak mampu menjadikannya sebagai hujah untuk memperkukuh dalil Syarak. Mimpi para Salihin yang mengatakan bacaan Al-Quran memberi manfaat kepada si mati menguatkan lagi hujah syarak yang sedia ada. Allahu ´Alam. Firman Allah Taala di dalam Surah an-Anfal ayat 29:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تَتَّقُواْ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّكُمْ فُرْقَانًا

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya ia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah,

[121] Di dalam minggu itu juga. Sebelum tiba Jumaat yang berikutnya.

membaca surah Yasin. Kemudian berkata: Ya Allah, jika engkau berikan pada surah ini ganjaran pahala maka jadikan ia untuk ahli perkuburan ini. Kemudian setelah Jumaat berikutnya, seorang perempuan datang menemuinya lalu berkata: Kamu fulan bin fulanah? Lelaki itu menjawab: Ya. Berkata perempuan itu: Sesungguhnya anak perempuan ku telah meninggal dunia. Aku melihatnya di dalam mimpi duduk di tebing kuburnya, lalu aku berkata: Apa yang menyebabkan kamu di situ? Berkata anaknya: Sesungguhnya fulan bin fulanah telah datang ke kubur ibunya dan membacakan surah Yasin dan menjadikan pahala bacaan untuk penduduk perkuburan. Kami telah mengambil faedah dari roh tersebut dan diampunkan kami atau ucapan seumpama itu.أهـ

Aku berkata: Mengukuhkan lagi ucapan ini apa yang diriwayatkan Ahmad, Abu Daud, Nasaie -lafaz darinya- dan Ibn Majah dari M'aqil bin Yasar: Sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

يس قَلبُ القرآنِ لا يقرأُها رجلٌ يريدُ اللهَ والدارَ الأخرة إلا غُفِرَ له,

اقرأوها على موتَاكم [122]

[122] Musnad Ahmad bin Hanbal Hadis 20345 J 5 m/s 26. Sunan Nasaie Kubra Hadis 10914 J 6 m/s 265, al-Mu'jam al-Kabīr Hadis 541 J 20 m/s 230. Berkata Syeikh Syuaib al-Arnaut:

Maksudnya: Yasin itu hati Al-Quran, tidak ada seorang lelaki yang membacanya semata-mata kerana Allah dan hari akhirat kecuali diampunkan dosanya. Bacakan ia kepada saudara-saudara kamu yang telah meninggal dunia.

Ibn Hibban dan al-Hakim mengatakan hadis ini sahih.
Ibn Hibban menyebut:

"Maksud saudara yang telah meninggal dunia ialah mereka yang berada di dalam sakaratul maut (masih hidup). **Ibn Qayyim -rahimahullah-** mengatakan pendapat ini Rājih dengan beberapa alasan di dalam kitab Ar-Ruh akan tetapi **Ibn Rifʿah** mengambil secara zahir hadis. Beliau mengatakan yang benar ialah dibaca selepas mati.

Berkata **Imam Syaukani**: Lafaz mati itu hakikat[123] kepada mereka yang telah mati, tidak boleh berpaling

---

Sanad hadis ini lemah kerana tidak dikenali perawi dan bapanya.

[123] (الحقيقة): Menggunakan lafaz pada apa yang ditetapkan untuknya. Contohnya singa untuk binatang buas bukan untuk lelaki yang berani. Jika digunakan lafaz singa untuk lelaki berani maka ia adalah Majaz. Mati secara hakikat ialah: keluar roh dari badan. Adapun secara majaz ialah: di dalam keadaan sakaratul maut. Kaedah Bahasa Arab menyebut: Tidak boleh menggunakan lafaz secara Majaz kecuali terdapat Qarinah.

dari hakikat kecuali dengan Qarinah[124]. Tidak ada halangan di sisi ku untuk dibacakan ketika sakaratul maut untuk tadabbur[125] isi surah, adapun untuk yang telah meninggal dunia untuk mengambil manfaat dengan pahalanya.

Berkata **Muhammad bin Ahmad Al-Maruzi**:

"Aku mendengar Ahmad bin Hanbal berkata: Jika kamu memasuki kawasan perkuburan bacakanlah al-Fatihah dan "muawwizatain"[126] dan "qul huwallahu Ahad" dan jadikan pahala bacaan tersebut kepada ahli perkuburan. Perbuatan tersebut sampai kepada mereka"[127] أهـ.

Berkata **Imam Nawawi** ketika membicarakan mengenai ziarah kubur di dalam Syarah Muhazzab:

"Disunatkan membacakan Al-Quran apa yang termampu dan berdoa untuk mereka yang telah mati setelah

---

124 (القرينة): Tanda kepada apa yang diinginkan. Contoh; seseorang berkata: "Aku melihat singa di medan perang". Singa di dalam ayat ini adalah majaz iaitu lelaki yang berani. Ini kerana terdapat qarinah iaitu "di medan perang".

125 Menghayati dan meneliti maksud dan maknanya.

126 Surah al-Falak dan surah an-Nas. Dua surah ini juga disebut sebagai 2 surah pelindung (معوذتين). Ini kerana surah ini adalah pelindung dari gangguan makhluk halus.

127 At-Tadhkirah m/s 65

membaca Al-Quran. Ucapan tersebut dari Imam Syafie dan sepakat Ashab Syafie"[128].أهـ

Berkata beliau di dalam Adhkar pada bab apa yang perlu diucapkan selepas ditanam? Berkata Syafie dan Ashab:

"Disunatkan membaca sesuatu dari Al-Quran di sisinya. Jika mengkhatamkan keseluruhan Al-Quran, maka perbuatan tersebut terlebih baik. Riwayat di dalam sunan Baihaqi dengan sanad Hasan: Bahawa Ibn Umar suka dibacakan di kubur setelah ditanam, awal surah baqarah dan penutupnya"[129].أهـ

Berkata **Imam Zahabi -rahimahullah-** di dalam Tazkirah Huffaz ketika menterjemahkan peribadi Al-Khatib Baghdadi:

"Sesungguhnya ketika beliau meninggal dunia dibacakan di atas kuburnya beberapa kali khatam Al-Quran"[130] أهـ.

---

[128] Al-Majmūʿ J 5 m/s 278
[129] Al-Adhkar m/s 190
[130] Tadhkirah al-Huffāẓ J 3 m/s 1144

KESIMPULAN

Maka jelas kepada kita berdasarkan kisah yang kami datangkan 2 perkara:

1) Nabi ﷺ mengajarkan untuk membaca Al-Quran kepada si mati
2) Sesungguhnya membaca Al-Quran di tepi kubur, merupakan perbuatan yang diketahui bersama di kalangan Salaf.

Berkata **Imam Qurtubi**:

"Ada yang mengatakan: Pahala bacaan adalah untuk pembacanya, adapun bagi si mati pahala mendengar. Perbuatan mendengar itu punca beroleh rahmat. Firman Allah Taala;

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾ [131]

Maksudnya: Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan ia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.

Allah Taala bersifat amat pemurah memberikan kedua-dua pahala membaca dan mendengar dan memberikan pahala yang dihadiahkan dari bacaan Al-Quran

[131] Al-Aʿraf: 204

walaupun tidak didengarinya. Seperti Sedekah, Doa dan Istighfar sebagaimana yang telah kami sebutkan.

Aku katakan[132]**:** Tidak sampai pahala mendengar kepada si mati kerana si mati sudah tidak ada taklif lagi akan tetapi si mati memperoleh pahala apa yang dihadiahkan"[133].أهـ

4)[134] Apa yang telah disebutkan oleh **Imam Qurtubi**:

"Sebahagian Ulama kita telah Istidlāl[135] mengenai membaca Al-Quran dengan hadis al-'Asīb pelepah tamar yang dibahagi 2 oleh baginda Nabi. Satu ditanam di sini dan satu lagi ditanam di sini. Kemudian baginda ﷺ bersabda:

لعله أن يُخَفَّفَ عنهما ما لم يَيْبَسا[136]

Maksudnya: Moga-moga pelepah tersebut meringankan azab mereka berdua selagi mana pelepah keduanya masih basah (tidak kering)[137].

---

[132] Imam Qurtubi
[133] At-Tadhkirah m/s 70-71
[134] Dalil keempat. Telah lalu 3 dalil bagi mereka yang mengatakan sampai bacaan kepada si mati.
[135] Lihat No: 20
[136] Bukhari Hadis 216 J1 m/s 458

Di dalam Musnad At-Ṭayālisi: Baginda ﷺ meletakkan pada salah seorang separuhnya, dan di atas seorang lagi separuh lagi seraya bersabda:

إنه يهون عليهما مادام فيهما مِنْ بَلْوَتِهما شيء

"Ini akan meringankan azab mereka berdua selagi mana keduanya masih basah".

---

[137] Terdapat sebahagian Ulama yang berpendapat perbuatan ini merupakan Khususiat baginda Nabi ﷺ.

Imam Khattābi melarang orang ramai meletakkan pelepah tamar di atas kubur disebabkan terdapat ihtimal baginda ﷺ mendoakan mereka untuk diringankan azab bukan disebabkan pelepah tersebut memberi manfaat tertentu. Berkata **at-Turtushi**: Perbuatan ini menjadi Khususiat baginda ﷺ disebabkan berkat tangan baginda ﷺ.

Pendapat Muktamad adalah ucapan **Ibn Hajar –rahimahullah-:** Terdapat ihtimal bukan baginda yang meletakkan pelepah tamar tersebut, tetapi memerintahkan orang lain melakukannya. (Hujah in menolak pendapat at-Turtushi).
Sahabat Nabi Buraidah bin Hasib melakukan perbuatan yang sama sebagai mencontohi Nabi ﷺ iaitu meminta untuk diletakkan di kuburnya 2 pelepah tamar أهـ. (Hujah ini menolak pendapat Khattābi). Lihat: Fathu al-Bārī J 1 m/s 533

Mereka berkata[138]: Inti pati dari hadis ini ialah menanam pokok dan membaca Al-Quran di atas kubur. Jika mereka diringankan azab hanya kerana ditanam pokok, maka bagaimana pula dengan bacaan Al-Quran daripada seorang lelaki mukmin?!"[139].أهـ Ini adalah Qias Aulawi[140].

5) Solat jenazah, ia tidak disyariatkan melainkan untuk memberi manfaat kepada si mati dan memperoleh syafaat untuk si mati di dalam solat dengan bacaan Doa dan Istighfar. Jika sampai kepada si mati apa yang terkandung di dalam solat itu yang terdiri dari bacaan Doa dan Istighfar, begitu juga sampai apa yang terdiri dari Al-Quran. Keduanya sama sahaja. Membezakan di antara ibadat yang satu[141] dari sudut umumnya

---

[138] Sebahagian Ulama

[139] At-Tadhkirah m/s 65-66

[140] (القياس الأولى): Iaitu Qias yang menjadikan Furuk lebih patut dengan hukum tersebut daripada Asl.
Sebagai contoh; Allah melarang mengatakan uhh! kepada kedua-dua ibu bapa. Qias Aulawi ialah haram pukul ibu bapa. Lihat: Muʿjam Muṣṭalahāt Usūl Fiqh m/s 345. Jika dengan dipacakkan pelepah tamar yang masih basah dapat memberi manfaat kepada si mati, maka lebih patut bacaan Al-Quran memberi manfaat kepadanya.

[141] Bacaan Al-Quran atau Puasa atau Haji atau Sedekah atau Doa, kesemuanya adalah ibadat. Tidak ada perbezaan di antara satu sama lain. Tidak kuat hujah mereka yang mengatakan Puasa, Haji, Sedekah dan Doa sampai kepada si mati sedangkan

merupakan sifat diktator[142] yang tidak boleh diterima. Aku tidak mengetahui sesiapa yang lebih awal dari ku memberikan dalil seumpama ini. Iaitu Nas pada membicarakan tajuk ini .

والله يقول الحق وهو يهدى السبيل

bacaan Al-Quran tidak. Sikap memaksa orang ramai untuk mengikut pendapat yang lemah adalah sikap diktator.

[142] Menyuruh orang ramai mengikut pendapat mereka yang mengatakan bacaan tidak sampai kepada si mati. Pendapat ini jelas tidak kuat, tetapi tetap dipertahankan dan di dalam masa yang sama menyalahkan pendapat yang kuat. Sifat ini adalah sifat seorang diktator yang gelap hatinya.

PENUTUP

Terdiri dari dua permasalahan:

1) Membaca Al-Quran kepada si mati. Merupakan persoalan cabang (Furuk) yang berlaku khilaf di kalangan Ulama. Ini bukan permasalahan Akidah. Melebih-lebih dan melampau-lampau dalam mengingkarinya[143] adalah jihad bukan kepada musuh, ingkar bukan kepada kemungkaran dan berpegang pada prinsip menyalahi apa yang diketahui umum, nescaya akan menjadi terkenal[144]. Mereka[145] yang mengatakan

[143] Sepakat Ulama mengatakan di antara syarat untuk mencegah kemungkaran ialah: Semua Ulama Ijmak mengatakan perkara itu adalah munkar. Lihat: Al-Ahkam As-Sultaniah.

[144] (خالف تُعرف) Masyarakat berkurun-kurun beramal dengan Tahlil, bacaan Yasin dan seumpamanya kesemua ini merupakan amalan tinggalan tuan-tuan guru dan para Syeikh yang terdahulu dan menjadi tradisi amalan di dalam masyarakat. Tidak ada yang mempertikaikan dan mempersoalkan dalil. Tetapi datang seorang yang masih mentah, mengatakan perbuatan ini tidak ada dalil sedangkan dia yang masih belum menemukan dalilnya. Juga merasakan memerangi mereka yang melakukan amalan ini, merupakan jihad mencegah Bid'ah yang berleluasa di dalam masyarakat. Sayang, menghabiskan masa dan waktu bukan pada tempatnya.
Tatkala menyalahi pandangan umum masyarakat, maka dia menjadi masyhur. Mereka juga berpegang dengan hadis "beruntung mereka yang terasing (melakukan kebaikan dalam

tidak sampai kepada si mati bacaan Al-Quran secara terang-terangan mengatakan jika berdoa selepas membaca Al-Quran untuk menyampaikan pahala tersebut kepada si mati, nescaya akan sampai tanpa khilaf. Ini kerana ia menjadi doa yang disepakati akan sampai pahalanya.

2) Tidak terdapat dalil mengharamkan membaca Al-Quran kepada si mati. Sama ada dari Al-Quran atau dari As-Sunah atau ucapan dari Imam-imam Mazhab. Bagaimana sesetengah kelompok pada hari ini memandai-mandai mengatakan haram membaca Al-Quran kepada si mati? Sedangkan tidak ada seorang pun sebelum dari mereka yang mengatakan sedemikian.

Sepatutnya meraikan pendapat kebanyakan Ulama Salaf yang mengatakan perbuatan itu sampai. Bahkan sebahagian mereka adalah para sahabat iaitu Ibn Umar yang paling kuat berpegang dengan as-Sunnah. Mereka-mereka yang terdiri dari Imam Ahmad bin Hanbal, Imam yang paling kuat mengikut as-Sunnah. Juga wajib meraikan dalil yang mereka kemukakan. Dalil yang dibawa oleh mereka bukan satu dalil. Ya, wajib bagi mereka meraikan perkara tersebut dan tidak secara

---

keadaan semua masyarakat melakukan keburukan)", sedangkan hadis ini untuk kelompok yang berada di dalam masyarakat tersesat sepatutnya hadis yang patut dipegang "hendaklah kamu bersama kelompok kebanyakan". Kelompok kebanyakan adalah mereka yang mengatakan amalan sampai kepada si mati.

[145] Ulama

terang-terangan mengatakan haram bahkan ceritakan terdapat 2 pendapat dan sebutkan apa yang Rājih, tanpa menghina dan memperkecil pendapat lain. Akan tetapi menjadi insan sederhana[146] sesuatu yang susah bagi mereka. "Cintakan kedegilan[147] dan kemasyhuran akan mematahkan tulang belakang"[148] sebagaimana ucapan Sufi.

وبالله التوفيق

[146] Agama Islam menyeru ke arah kesederhanaan. Islam menolak fahaman melampau (تـشدد) dan juga fahaman mempermudah (تساهل). Kedua-dua fahaman ini ditempelak oleh Islam. Melalui 2 kunci inilah Islam diterima ramai (tidak ekstrem) dan teguh dipertahankan hingga akhir hayat dunia (mempunyai prinsip yang tidak akan berubah). Penolakan kepada 2 fahaman ini akan melahirkan Umat Pertengahan (أمة وسطا)

[147](العناد) : Lihat No: 2

[148] (حب العناد والظهور قاصم للظهور). Pesanan Ahli Sufi membawa maksud; sikap degil dan gemarkan kemasyhuran akan membinasakan diri

RUJUKAN

كتب الأحاديث وشروحها

1) مجمع الزوائد ومنبع الفوائد، تأليف: علي بن أبي بكر الهيثمي، دار النشر: دار الريان للتراث/دار الكتاب العربي - القاهرة , بيروت – 1407

2) سنن أبي داود، تأليف: سليمان بن الأشعث أبو داود السجستاني الأزدي، دار النشر: دار الفكر - -، تحقيق: محمد محيي الدين عبد الحميد

3) السنن الكبرى، تأليف: أحمد بن شعيب أبو عبد الرحمن النسائي، دار النشر: دار الكتب العلمية - بيروت - 1411 - 1991، الطبعة: الأولى، تحقيق: د.عبد الغفار سليمان البنداري , سيد كسروي حسن

4) الأذكار من كلام سيد الأبرار, للإمام الحافظ محي الدين يحي بن شرف النووي الدمشقي الشافعي. ط المكتبة العصرية,بيروت, 1420 هـ- 2000 م

5) شعب الإيمان، تأليف: أبو بكر أحمد بن الحسين البيهقي، دار النشر: دار الكتب العلمية - بيروت - 1410، الطبعة: الأولى، تحقيق: محمد السعيد بسيوني زغلول

6) سنن ابن ماجه، تأليف: محمد بن يزيد أبو عبدالله القزويني، دار النشر: دار الفكر - بيروت - -، تحقيق: محمد فؤاد عبد الباقي

7) مسند الإمام أحمد بن حنبل، تأليف: أحمد بن حنبل أبو عبدالله الشيباني، دار النشر: مؤسسة قرطبة – مصر

8) مسند أبي يعلى، تأليف: أحمد بن علي بن المثنى أبو يعلى الموصلي التميمي، دار النشر: دار المأمون للتراث - دمشق - 1404 - 1984، الطبعة: الأولى، تحقيق: حسين سليم أسد

9) مسند الشهاب، تأليف: محمد بن سلامة بن جعفر أبو عبد الله القضاعي، دار النشر: مؤسسة الرسالة - بيروت - 1407 - 1986، الطبعة: الثانية، تحقيق: حمدي بن عبد المجيد السلفي

10) مسند أبي داود الطيالسي، تأليف: سليمان بن داود أبو داود الفارسي البصري الطيالسي، دار النشر: دار المعرفة - بيروت –

11) الجامع الصحيح المختصر، تأليف: محمد بن إسماعيل أبو عبدالله البخاري الجعفي، دار النشر: دار ابن كثير , اليمامة - بيروت - 1407 - 1987، الطبعة: الثالثة، تحقيق: د. مصطفى ديب البغا

12) صحيح مسلم، تأليف: مسلم بن الحجاج أبو الحسين القشيري النيسابوري، دار النشر: دار إحياء التراث العربي - بيروت، تحقيق: محمد فؤاد عبد الباقي

13) المجتبى من السنن، تأليف: أحمد بن شعيب أبو عبد الرحمن النسائي، دار النشر: مكتب المطبوعات الإسلامية - حلب - 1406 - 1986، الطبعة: الثانية، تحقيق: عبدالفتاح أبو غدة

14) الجامع الصحيح سنن الترمذي، تأليف: محمد بن عيسى أبو عيسى الترمذي السلمي، دار النشر: دار إحياء التراث العربي - بيروت - -، تحقيق: أحمد محمد شاكر وآخرون

15) الكتاب المصنف في الأحاديث والآثار، تأليف: أبو بكر عبد الله بن محمد بن أبي شيبة الكوفي، دار النشر: مكتبة الرشد - الرياض - 1409، الطبعة: الأولى، تحقيق: كمال يوسف الحوت

16) المعجم الكبير، تأليف: سليمان بن أحمد بن أيوب أبو القاسم الطبراني، دار النشر: مكتبة الزهراء - الموصل - 1404 - 1983، الطبعة: الثانية، تحقيق: حمدي بن عبدالمجيد السلفي

17) سنن البيهقي الكبرى، تأليف: أحمد بن الحسين بن علي بن موسى أبو بكر البيهقي، دار النشر: مكتبة دار الباز - مكة المكرمة - 1414 - 1994، تحقيق: محمد عبد القادر عطا

18) صحيح ابن حبان بترتيب ابن بلبان، تأليف: محمد بن حبان بن أحمد أبو حاتم التميمي البستي، دار النشر: مؤسسة الرسالة - بيروت - 1414 - 1993، الطبعة: الثانية، تحقيق: شعيب الأرنؤوط

19) مسند إسحاق بن راهويه، تأليف: إسحاق بن إبراهيم بن مخلد بن راهويه الحنظلي، دار النشر: مكتبة الإيمان - المدينة المنورة - 1412 - 1991، الطبعة: الأولى، تحقيق: د. عبد الغفور بن عبد الحق البلوشي

20) فتح الباري بشرح صحيح البخاري, تأليف: للحافظ ابن حجر العسقلاني, دار النشر: دار الغد العربي, الظبعة الأولى 1992 هـ - 1412 م

21) تحفة الأحوذي بشرح جامع الترمذي، تـأليف: محمـد عبـد الـرحمن بـن عبد الرحيم المباركفوري أبو العلا، دار النـشر: دار الكتـب العلميـة – بيروت

22) مرقاة المفاتيح شرح مشكاة المصابيح، تـأليف: عـلي بـن سـلطان محمـد القاري، دار النشر: دار الكتب العلمية - لبنـان/ بـيروت - 1422هـ - 2001م، الطبعة: الأولى، تحقيق: جمال عيتاني

كتب التفاسير

23) الكشاف عن حقائق التنزيل وعيون الأقاويل في وجوه التأويل، تأليف: أبو القاسم محمود بن عمر الزمخشري الخوارزمي، دار النشر: دار إحياء التراث العربي - بيروت، تحقيق: عبد الرزاق المهدي

24) روح المعاني في تفسير القرآن العظيم والسبع المثاني، تأليف: العلامـة أبي الفضل شهاب الدين السيد محمود الألوسي البغدادي، دار النشر: دار إحياء التراث العربي – بيروت

25) الجامع لأحكام القرآن، تأليف: أبو عبد الله محمد بن أحمد الأنصاري القرطبي، دار النشر: دار الشعب – القاهرة

26) تفسير القرآن العظيم، تأليف: إسماعيل بن عمر بن كثير الدمشقي أبو الفداء، دار النشر: دار الفكر - بيروت - 1401

27) الدر المنثور، تأليف: عبد الرحمن بن الكمال جلال الدين السيوطي، دار النشر: دار الفكر - بيروت – 1993

28) تفسير البغوي، تأليف: البغوي، دار النشر: دار المعرفة - بيروت، تحقيق: خالد عبد الرحمن العك

29) تفسير البيضاوي، تأليف: البيضاوي، دار النشر: دار الفكر – بيروت

30) تيسير الكريم الرحمن في تفسير كلام المنان، تأليف: عبد الرحمن بن ناصر السعدي، دار النشر: مؤسسة الرسالة - بيروت - 1421هـ-2000م، تحقيق: ابن عثيمين

31) تفسير النسفي، تأليف: النسفي

32) فتح القدير الجامع بين فني الرواية والدراية من علم التفسير، تأليف: محمد بن علي بن محمد الشوكاني، دار النشر: دار الفكر – بيروت

كتب اللغة والمعاجم والطبقات

33) جواهر البلاغة في المعانى والبيان والبديع, تأليف السيد أحمد الهاشمى, ضبط وتدقيق وتوثيق د/ يوسف الصميلي. ط المكتبة العصرية, الطبعة الأولى 1420 هـ- 1999م

34) الفتح المبين في تعريف مصطلحات الفقهاء والأصوليين, أ.د/ محمد إبراهيم الحفناوي. ط دار السلام, الطبعة الأولى 1426هـ-2005م

35) معجم المصطلحات والألفاظ الفقهية, د/ محمود عبد الرحمن عبد المنعم. ط دار الفضيلة

36) معجم لغة الفقهاء. د/ قلعة جى, د/قنيبى, أ/سانو. ط دار النفائس, الطبعة الأولى 1416 هـ - 1996 م.

37) التعريفات معجم يشرح الألفاظ عليها بين الفقهاء والمتكلمين والنحاء والصرفيين والمفسرين وغيرهم. للسيد الشريف على بن محمد بن على السيد الزين أبى الحسن الحسينى الجرجانى الحنفى. ط مصطفى الحلبى.

38) الجنى الداني في حروف المعاني, صنعة الحسن بن القاسم المرادي, تحقيق د/ فخرالـدين قبـاوه , أ/ محمـد نـديم فاضـل. ط دار الكتـب العلميـة, الطبعة الأولى 1413 هـ - 1992 م

39) طبقات المفسرين، تأليف: أحمد بن محمد الأدنه وي، دار النشر: مكتبـة العلوم والحكم - السعودية - 1417هـ- 1997م، الطبعة: الأولى، تحقيق: سليمان بن صالح الخزي

40) لسان الميزان، تأليف: أحمد بن علي بـن حجـر أبـو الفـضل العـسقلاني الشافعي، دار النشر: مؤسسة الأعلمي للمطبوعات - بيروت - 1406 - 1986، الطبعة: الثالثة، تحقيق: دائرة المعرف النظامية - الهند –

41) سير أعلام النبلاء، تأليف: محمد بن أحمد بن عثمان بن قايماز الذهبي أبو عبـد اللـه، دار النـشر: مؤسـسة الرسـالة - بـيروت - 1413، الطبعـة: التاسعة، تحقيق: شعيب الأرناؤوط , محمد نعيم العرقسوسي

42) طبقات المفسرين، تـأليف: عبـد الـرحمن بـن أبي بكـر الـسيوطي، دار النشر: مكتبة وهبـة - القـاهرة - 1396، الطبعـة: الأولى، تحقيـق: عـلي محمد عمر

43) الوافي بالوفيات، تأليف: صلاح الدين خليل بن أيبك الصفدي، دار النشر: دار إحياء التراث - بيروت - 1420هـ- 2000م، تحقيق: أحمد الأرناؤوط وتركي مصطفى

44) طبقات الحفاظ، تأليف: عبد الرحمن بن أبي بكر السيوطي أبو الفضل، دار النشر: دار الكتب العلمية - بيروت - 1403، الطبعة: الأولى

45) مصطلحات المذاهب الفقهية وأسرار الفقه المرموز في الأعلام والكتب والآراء والترجيحات, اعداد: مريم محمد صالح الظفيري, دار النشر: دار ابن حزم 1422 هـ - 2002 م, الطبعة الأولى

46) المقتنى في سرد الكنى، تأليف: محمد بن أحمد بن عثمان بن قايماز بن عبد الله التركماني أبو عبد الله شمس الدين الذهبي، دار النشر: الجامعة الإسلامية بالمدينة - المدينة المنورة - السعودية - 1408هـ، الطبعة: الأولى، تحقيق: محمد صالح عبد العزيز المراد

47) معجم مصطلحات أصول الفقه, تأليف: د/ قطب مصطفى سانو, دار النشر: دار الفكر, الطبعة الأولى 1420 هـ - 2000 م

48) تذكرة الحفاظ، تأليف: أبو عبد الله شمس الدين محمد الذهبي، دار النشر: دار الكتب العلمية - بيروت، الطبعة: الأولى

كتب الفقه وأصوله

49) تقريب الوصول إلى علم الأصول لأبي القاسم محمد بن أحمد بن جزيالمتوفى 741هـ, طبع دار النفائس با الأردن, الطبعة الأولى سنة 1422 هـ -2002م

50) الإقناع فى حل ألفاظ أبي شجاع, تأليف: الشيخ شمس الدين محمد بن محمد الخطيب الشربيني, دراسة وتحقيق وتعليق: الشيخ على محمد معوض و الشيخ عادل أحمد عبد الموجود, دار النشر: دار الكتب العلمية-بيروت-.

51) نهاية السول في شرح منهاج الوصول إلى علم الأصول, لجمال الدين عبد الرحيم بن الحسن الإسنوى, حققه وخرج شواهده, د/ شعبان محمد إسماعيل. ط دار ابن حزم, الطبعة الأولى 1420 هـ - 1999م.

52) شرح العضد على ابن الحاجب

53) البحر المحيط في أصول الفقه، تأليف: بدر الدين محمد بن بهادر بن عبد الله الزركشي، دار النشر: دار الكتب العلمية - لبنان/ بيروت - 1421هـ - 2000م، الطبعة: الأولى، تحقيق: ضبط نصوصه وخرج أحاديثه وعلق عليه: د. محمد محمد تامر

54) المجموع، تأليف: النووي، دار النشر: دار الفكر - بيروت - 1997م

55) الورقات، تأليف: عبد الملك بن عبد الله بن يوسف الجويني، تحقيق: د. عبد اللطيف محمد العبد

أخرى

56) الروح, لابن القيم الجوزية, تحقيق وتعليق عصام الدين الصبابطى. ط دار الحديث, الطبعة الثانية 1419 هـ-1998م.

57) فتاوى ابن الصلاح، تأليف: عثمان بن عبد الرحمن بن عثمان الشهرزوي أبو عمرو، دار النشر: مكتبة العلوم والحكم , عالم الكتب - بيروت - 1407، الطبعة: الأولى، تحقيق: د. موفق عبد الله عبد القادر

58) التذكرة في أحوال الموتى وأمور الآخرة, تأليف: الإمـام القرطبـي, تحقيـق وتعليق: عصام الدين الصبابطي, دار النشر: دار الحـديث – القـاهرة -, الطبعة الأولى 1419 هـ-1999 م

59) الموقظة في علم مصطلح الحديث, تأليف: الإمام الحافظ المحدث المـؤرخ شمس الدين محمد بن أحمد الذهبي, اعتنى به: أبو الفتاح أبو غدة, دار النشر: دار السلام, الطبعة الخامسة 1421 هـ - 2000 م

60) حاشية الامام البيجوري على جوهرة التوحيد المسمى تحفة المريـد عـلى جوهرة التوحيد, حققه وعلق عليه وشرح غريب ألفاظه: أ.د/ على جمعة محمد. دار النشر: دار السلام, الطبعة الأولى 1422 هـ-2002 م

61) فتاوى ابن رشد لأبي الوليد محمد بـن أحمـد بـن رشـد القرطبـى المـالكى (520 هـ/ 1126 م). تقـديم وتحقيـق وجمـع وتعليـق: د/ المختـار ابـن الطاهر التليلى, دار الغرب الإسلامى, الطبعة الأولى 1407هـ-1987م